

eBULETIN JSKM 2022

MENARIK DI DALAM

- ✓ **Gotong-royong Masjid Al-Hidayah**
- ✓ **Free Market 2.0**
- ✓ **Perkongsian**
- ✓ **Puisi**
- ✓ **Pantun**



ISI KANDUNGAN

<i>TINTA EDITOR</i>	2
<i>AKTIVITI JSKM 2022</i>	3
<i>PERKONGSIAN</i>	11
<i>PUISI</i>	56
<i>PERMAINAN</i>	73
<i>PENCAPAIAN STAF JSKM</i>	76
GERAN FRGS FASA 1/2021	77
PENERBITAN BERINDEKS	78
INOVASI.....	79
PENGIKTIRAFAN	83
<i>NOTA</i>	84

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SATU KELUARGA MALAYSIA.

Saya memanjatkan kesyukuran ke Hadrat Ilahi atas limpah kurnia dan kesempatan yang diberikan untuk sekali lagi menerajui penerbitan e-Buletin JSKM siri yang ke 7, 2022. Jawatankuasa Unit Penerbitan mengucapkan penghargaan dan terimakasih kepada semua penyumbang artikel yang telah menyumbang pelbagai karya samada puisi, perkongsian pengalaman, laporan aktiviti jabatan, pantun dan sebagainya. Karya-karya yang telah disumbangkan samada yang berbentuk ilmiah atau bukan ilmiah menggambarkan warga Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang sangat kreatif berkarya dan tidak pernah jemu menulis sebagai seorang ahli akademik.

Jawatankuasa Unit Penerbitan juga mendapati mutu sumbangan karya yang dikemukakan adalah mengkagumkan dan setanding dengan artikel yang diterbitkan dalam e-buletin popular. Editor menyarankan warga JSKM teruskan berkarya dan cuba peluang-peluang yang ada untuk penerbitan dalam majalah-majalah yang terkemuka.

Pada tahun ini, 2022, jawatankuasa Unit Penerbitan sebagai menyokong KPI Universiti dan JSKM, telah mengambil inisiatif menerbitkan e-Buletin JSKM sebanyak 2 kali setahun. Jangkaan penerbitan adalah pada April 2022 dan Oktober 2022. Susulan dari itu, semua warga JSKM adalah disarankan untuk menyumbangkan artikel atau karya masing-masing agar hasil sumbangan penulisan dapat memberi merit kepada KPI penulisan samada untuk peribadi, jabatan atau universiti.

Buat akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terimakasih kepada semua warga JSKM, tidak lupa kepada ahli jawatankuasa Unit Penerbitan yang berusaha menghasilkan e-Buletin JSKM yang paling menarik serta tidak lupa kepada Koordinator JSKM yang tidak jemu memberi sokongan padu dalam memastikan e-Buletin JSKM terus dan terus direalisasikan sebagai rangkaian hubungan mesra sesama warga JSKM.



KETUA EDITOR
TS. HJ. JAMAL OTHMAN



EDITOR
DR ROZITA KADAR



EDITOR
ZURAIRA LIBASIN



DESIGNER
HJ SAIFUL NIZAM WARRIS




DESIGNER
MOHD SYAFIQ ABDUL RAHMAN

AKTIVITI JSKM
2022

LAPORAN BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK JSKM UITM CAWANGAN PULAU PINANG 2022


Mahanim binti Omar

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melancarkan cetakan biru *UiTM 2025 Strategic Planning* pada 2 haribulan disember 2020 dalam usaha menjadikan UiTM salah sebuah universiti yang terkemuka dunia. Perancangan UiTM dibuat berasaskan nilai I-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab) serta memfokuskan tiga nilai organisasi iaitu Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti atau singkatannya, ESR (*Excellent, Synergy, Integrity*). Dalam perangkaan tersebut, sembilan tema strategik yang berfokuskan kepada tiga Teras Strategik ini diharapkan dapat membantu UiTM mencapai matlamat pada tahun 2025. Kesemua perancangan ini diinformasikan dalam bentuk piramid (Rajah 1). Bagi mencapai puncak piramid ini, pelbagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di senaraikan berdasarkan kriteria yang telah dicapai oleh universiti terkemuka dunia. KPI ini diagihkan kepada kampus dan bahagian di bawah UiTM.




Rajah 1: Perancangan Strategik UiTM.
Dipetik daripada eBook UiTM 2025 Strategic Plan

Sebagai sebuah jabatan di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) turut terlibat dalam perancangan UiTM. Maka, pada 8 haribulan Februari 2022, bermula jam 9 pagi, telah berlangsung Bengkel Perancangan Strategik JSKM UiTM Cawangan Pulau Pinang 2022. Bengkel ini dianjurkan bertujuan untuk membantu JSKM merancang aktiviti bagi mencapai Petunjuk Prestasi (PI) JSKM yang telah diamanahkan oleh pihak Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTM CPP. Selain itu, perancangan aktiviti JSKM ini juga diharapkan dapat membantu pensyarah merancang aktiviti untuk diisi di dalam MyATP. Pada tahun 2022, sebanyak 17 PI telah diamanahkan kepada JSKM. Antaranya ialah KPI berkaitan penerbitan, geran penyelidikan serta khidmat masyarakat (Rajah 2).




Rajah 2: Petunjuk Prestasi JSKM

Melalui bengkel ini, setiap unit di dalam JSKM dikehendaki menyenaraikan serta membincangkan aktiviti yang dapat dijalankan bagi mencapai PI tersebut. Seramai tiga puluh enam (36) orang staf JSKM telah menghadiri bengkel yang diadakan secara dalam talian di platform Microsoft Teams. Semua staf JSKM telah dibahagikan kepada unit-unit di bawah JSKM pada awal tahun 2022, telah mencadangkan pelbagai aktiviti bagi tahun ini. Rajah 3 memaparkan perancangan aktiviti JSKM sepanjang tahun.



Rajah 3: Perancangan Aktiviti JSKM

Makluman serta pengetahuan dari bengkel diharap dapat meningkatkan hasil pencapaian berkualiti di kalangan staf JSKM. Melalui program ini juga, perancangan dan pengurusan kewangan JSKM diharap dapat diuruskan dengan lebih efektif serta telus. Program sebegini sememangnya mendatangkan banyak kebaikan dan manfaat kepada para peserta bagi memperhalusi Sasaran Kerja Tahunan bagi mencapai matlamat staf itu sendiri seterusnya memacu JSKM bagi mencapai PI JSKM serta UiTM CPP



Gambar 1: Antara slaid yang dikongsi Bersama warga JSKM

KHIDMAT MASYARAKAT “GOTONG-ROYONG MEMBERSIH DAN MENGINDAHKAN MASJID AL-HIDAYAH BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.”

Farah Hayati Binti Mustapa

Pada 22 Februari 2022, satu program khidmat masyarakat telah diadakan di Masjid Al-hidayah, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Unit Khidmat Masyarakat, Jabatan Sains Komputer dan Matematik menjadi pengelola program ini. Objektif utama program ini adalah untuk memberi sumbangan tenaga sukarela bagi membersihkan dan mengindahkan masjid tersebut. Program ini juga secara tidak langsung sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) Jabatan Sains Komputer & Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang kepada komuniti setempat.

Seramai 20 orang pensyarah dengan kerjasama ahli jawatankuasa masjid dan beberapa orang anak qariah Masjid Al-hidayah telah menjayakan program khidmat masyarakat ini. Antara aktiviti yang telah dilakukan ialah menyusun dan menanda kitab Alquran, Yassin dan lain-lain dengan pelekat berwarna dan juga membersihkan tingkap-tingkap serta menghias papan kenyataan. Hasilnya, masjid ini menjadi lebih ceria, tersusun kemas dan memberi keselesaan kepada para jemaah untuk menunaikan ibadah solat dan mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang lain. Turut diraikan dalam program ini ialah anak-anak yatim qariah Masjid Al-hidayah. Semoga program ini dapat mencapai objektif dalam meningkatkan kesedaran akan tanggungjawab sosial di kalangan pensyarah JSKM di samping mengukuhkan lagi hubungan ukhuwah melalui program gotong royong.





FREE MARKET 2.0

Fuziatul Norsyiha Ahmad Shukri

“**FREE MARKET 2.0**” telah dianjurkan oleh Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 2 dan 3 Disember 2021 yang lalu. Program ini adalah kesinambungan daripada Free Market 1.0 yang berlangsung pada bulan Mei yang lepas. Jabatan Sains Komputer (JSKM) juga tidak melepaskan peluang untuk turut menyertai program ini seperti yang diminta oleh pihak MASMED bagi memeriahkan lagi program tersebut. Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada pekerja pembersihan atau “cleaner” iaitu kebanyakannya adalah daripada golongan asnaf dan B40 serta kepada warga UiTM yang berminat. Konsep program ini adalah mengumpul barangan terpakai yang masih elok dan disumbangkan kepada yang berminat secara percuma.

Seramai lebih kurang 30 orang ‘cleaner’ yang memperoleh manfaat daripada program ini dan juga segelintir pelajar yang berada di kampus ketika itu. Diharapkan program khidmat masyarakat sebegini akan diteruskan lagi supaya dapat memberi peluang kepada seluruh warga UiTM untuk menjalinkan hubungan yang baik tanpa mengira pangkat mahupun darjat. Disamping itu, diharapkan juga aktiviti yang dijalankan dapat memupuk rasa kasih sayang sesama insan dan sifat suka membantu antara satu sama lain.







SHARING SESSION JSKM 2021

Fadzilawani Astifar Alias

Pada 9 September 2021 jam 3.00 petang, telah berlangsungnya Sharing Session JSKM 2021 anjuran Unit Latihan dan Kepimpinan, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program tahunan ini diadakan bertujuan untuk berkongsi dan bertukar idea, pengalaman serta mendapat ilmu baru serta mendengar pengalaman staf yang lain sama ada dalam bidang kerja ataupun aspek peribadi. Di samping berkongsi ilmu, program ini juga turut menggalakan staf untuk bergiat aktif dalam penulisan, penerbitan dan inovasi.

Program dimulai dengan ucapan aluan oleh puan pengerusi majlis dan bacaan doa. Seramai lima orang pembentang yang terlibat dalam sesi pembentangan ini iaitu pembentang pertama ialah Wan Anisha Wan Mohamad dengan tajuk pembentangan beliau ialah SIRT- Smart Interactive Review Tools. Pembentang kedua ialah Siti Nurleena Abu Mansor dengan tajuk pembentangan An Insight into Epidemic Model. Pembentang ketiga ialah Mohd Saifulnizam Abu Bakar dengan tajuk pembentangan Google Certified Educator Fundamentals. Pembentang keempat ialah Mohd Syafiq Abdul Rahman pula membentangkan Photoshop in 10 minutes dan pembentang terakhir ialah Azlina Mohd Mydin dengan tajuk pembentangan beliau ialah Khasiat Minuman Herba - Air Lemaju.

Program ini telah dijalankan secara atas talian melalui platform Google Meet sebagai medium utama. Seramai 33 orang peserta yang terdiri dari staf Jabatan Sains Komputer dan Matematik telah hadir dalam program berkenaan. Dengan adanya program ini dapat menaikkan lagi semangat semua staf dalam melibatkan diri dalam penulisan, penerbitan dan inovasi. Sesi perkongsian ilmu ini diharapkan dapat diteruskan lagi pada tahun tahun yang seterusnya. Program tamat pada jam 4.30 petang.





PERKONGSIAN




PENGALAMAN PERTAMA MEMBANGUNKAN MOOC *FURTHER DIFFERENTIAL EQUATIONS*

Chew Yee Ming

Seiring dengan pendidikan abad ke-21, kemajuan teknologi yang baru telah memberikan peluang kepada para pendidik untuk mengubah corak pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. *Massive Open Online Courses* (MOOC) dijadikan satu platform yang telah diperkenalkan di Malaysia sejak September 2014. MOOC ialah kursus pembelajaran dalam talian yang ditawarkan kepada pelajar dalam dan luar negara secara percuma. Pelajar dapat menyertai kursus atas talian tanpa mengira limitasi tempat, masa dan suasana.

Kursus *Further Differential Equations* menjadi julung kali di UiTM Cawangan Pulau Pinang dibangunkan dengan menggunakan MOOC pada tahun 2021. Kursus tersebut ditawarkan kepada pelajar-pelajar ijazah dalam bidang kejuruteraan awam semester ke-enam. Penghasilan MOOC *Further Differential Equations* telah berjaya mencapai matlamat PI 13 jabatan iaitu menghasilkan MOOC yang baharu pada tahun 2021.



FURTHER DIFFERENTIAL EQUATIONS

Promotional Video MOOC MAT480

Watch later Share

Watch on YouTube

About this Course

This course consists of four topics. The first topic is to find the series solutions of second-order ordinary differential equations. Then, it is followed by Legendre polynomials and solving Legendre equations. The third topic is to express periodic functions in the form of Fourier series. Lastly, the last topic is to solve the boundary value problems which include one-dimensional heat equation, one-dimensional wave equation and two-dimensional Laplace equation by using separable variables method and half range Fourier series.

Course information

UiTM MOOC MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

Status : **OPEN**

Duration : **FLEXIBLE**

Effort : 3 hours per week

Mode : 100% Online

Course Level : Intermediate

Language : English

No of Student : 23

No of Instructor : 5

JOIN THIS COURSE

Berikut adalah ringkasan proses yang telah diamalkan dalam menghasilkan MOOC *Further Differential Equations* yang menarik dengan kerjasama rakan-rakan sekerja iaitu Puan Rafizah Kechil, Puan Mahanim Omar, Cik Nur Azimah Idris dan Encik Mohd Syafiq Abdul Rahman. Mereka mempunyai kepakaran dan minat dalam menghasilkan MOOC tersebut.

- 1) **Membentuk kumpulan MOOC *Further Differential Equations*.**
Pensyarah yang pernah mengajar kursus MAT480 sekurang-kurangnya tiga kali boleh menjadi ahli kumpulan.
- 2) **Mendaftar MOOC *Further Differential Equations* setelah mendapat kelulusan daripada Resource Person (RP) kursus.**

3) **Menghadiri kursus atau bengkel secara maya berkenaan pembangunan MOOC yang dianjurkan oleh iCEPS.**

Bengkel MOOC amat penting dalam perancangan, pelaksanaan dan penghasilan MOOC *Further Differential Equations* yang berkesan dan efektif. Saya telah mempelajari pelbagai teknik membuat rakaman video pengajaran dan menyunting video rakaman melalui saluran YouTube.

4) **Membuat perbincangan dengan ahli kumpulan berkenaan agihan topik kandungan MOOC.**

Aktiviti pengukuhan dan penilaian dalam kandungan MOOC *Further Differential Equations* juga merupakan elemen penting dalam memperkasa pengetahuan pelajar atas talian. Saya telah meneroka dan mempelajari beberapa aplikasi pendidikan seperti Kahoot, Quizizz dan Genially. Quizizz adalah alat penilaian formatif yang senang digunakan, tiada had bilangan pemain, percuma, dan berfungsi di komputer, tablet atau telefon pintar dengan aplikasi iOS, Android, dan Chrome.

5) **Mesyuarat berkala dijalankan untuk menjejak perkembangan persediaan video, bahan pengajaran dan penilaian dalam MOOC *Further Differential Equations*.**

Berikut merupakan jadual kerja pembangunan MOOC *Further Differential Equations* selama satu tahun.

ACTIVITY	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUNE	JUL	AUG	SEPT	OCT	NOV	DEC
COURSE REGISTRATION												
MOOC DEVELOPMENT												
PROGRESS REPORT 1 (40%)												
PROGRESS REPORT 2 (60%)												
PROGRESS REPORT 3 (80%)												
FINAL PROGRESS REPORT (100%)												
EVALUATION REGISTRATION												
PILOT TEST												
MOOC EVALUATION												
CORRECTION												
REEVALUATION (IF REQUIRED)												
READY TO PUBLISH												

Para pendidik perlu mengorak langkah untuk membuat transformasi moden dalam alam pengajaran dan pembelajaran kerana jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Ayuh, marilah kita sama-sama menyahut cabaran ini dengan hati yang terbuka.






TIPS AND TRICKS: REMOVE BACKGROUND FROM PICTURE IN POWERPOINT

Rafizah Kechil, Wan Anisha Wan Mohammad & Azlina Mohd Mydin


The goal of this article is to demonstrate how to remove the background from images in PowerPoint. It is hoped that by sharing this method, we will be able to complete our daily tasks more easily using existing software.

Steps:




1. Open any PowerPoint presentation with a background image.


2. Copy and paste the image you want to use.




Source: ClipArtBest, 2022




3. Choose the "Picture Format" ribbon.




4. Choose the "Remove Background" tab.




5. Select the "Mark Area to Keep" tab.



6. Draw lines to mark to keep in the picture.



7. Click the “Keep Changes” tab.






TIPS AND TRICKS: HOW TO CREATE MY TASK IN GMAIL

Rafizah Kechil, Azlina Mohd Mydin & Wan Anisha Wan Mohammad


My Task is one of Gmail's built-in apps that allows you to create tasks directly from an email. My Task panel will appear on the right side of your email, allowing you to view your workgroups and create new tasks.

Steps:


1. Open any email and click “Add to tasks”.




2. My Tasks will appear on the right side of your email.



3. Select date and time.



4. Your “My Task” manager is ready to use.



Reference:

A. Sharma (2022). *Gmail Task manager: Turn your emails into tasks*. Automate.io. Retrieved January 26, 2022, from <https://automate.io/academy/posts/gmail-task-manager>





Self-Talk Positif

SATU TEKNIK PSIKOLOGI YANG BAIK

Naemah Abdul Wahab

Pernahkah anda berbicara dengan diri sendiri? Seolah-olah bermonolog? Tentu pernah bukan? Kita seringkali bercakap dengan diri sendiri tentang perkara yang berlaku di sekeliling kita, sebagai contoh kita sedang mencari tempat letak kenderaan di tempat kerja dan apabila telah menjumpainya, kita bercakap di dalam hati, "Alhamdulillah, dah jumpa". Kita juga kadang-kadang bermonolog tentang diri kita apabila kita berpuashati atau kecewa dengan sesuatu tindakan kita seperti "Seronoknya, aku sempat siapkan tugas ini" atau "Kenapalah aku boleh cuai sangat tadi".

APAKAH ITU *SELF-TALK*?

Self-talk adalah suatu dialog dalaman. Ianya adalah kebiasaan manusia dalam memberi respon terhadap sesuatu pengalaman atau keadaan persekitaran. Ia dipengaruhi oleh minda separa sedar dan merupakan luahan pemikiran, kepercayaan, persoalan atau idea kita. *Self-talk* boleh menjadi sama ada positif atau negatif bergantung kepada personaliti kita. Sekiranya anda seorang yang optimis, kebanyakan *self-talk* anda adalah positif. Namun seandainya anda pesimis, *self-talk* anda kebiasaannya adalah negatif.

APAKAH KELEBIHAN *SELF-TALK* POSITIF?

Self-talk yang positif boleh meningkatkan prestasi kerja, kesihatan fizikal dan emosi serta kesejahteraan hidup kita. Ada kajian-kajian yang mendapati, insan yang selalunya bermonolog secara positif mempunyai kemahiran mental yang membolehkan mereka mudah menyelesaikan masalah, berfikir secara berbeza dan lebih tabah dalam menghadapi kesukaran atau ujian hidup. Ianya juga mampu mengurangkan tekanan serta kebimbangan (*anxiety*).

EMPAT KATEGORI PEMIKIRAN NEGATIF YANG BOLEH MEMBUNUH SELF-TALK YANG POSITIF.

Personalizing

- Sentiasa menyalahkan diri sendiri atas segala perkara yang berlaku.

Magnifying

- Anda fokus atau memperbesarkan sisi negatif sesuatu situasi serta menolak tepi kesemua aspek positifnya.

Catastrophizing

- Anda menjangkakan yang terburuk. Anda jarang membiarkan logik atau sebarang alasan yang munasabah mengubah pemikiran anda ke arah positif.

Polarizing

- Anda melihat dunia sebagai hitam dan putih atau baik dan buruk sahaja. Tiada titik atau garis pertengahan untuk segala proses atau peristiwa dalam kehidupan anda.

Apabila anda dapat mengenali pemikiran negatif, anda dapat mengubahnya kepada monolog yang positif. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak boleh berlaku dalam sekelip mata, ianya mengambil masa dan memerlukan banyak latihan. Akan tetapi, ianya boleh dilakukan oleh sesiapa pun, tanpa mengira usia samada anda adalah seorang dewasa, kanak-kanak ataupun warga emas.

LIMA TIPS UNTUK KITA *SELF-TALK* SECARA POSITIF

Kenalpasti Perangkap Monolog Negatif

- Terdapat situasi yang meningkatkan keraguan diri anda dan menyebabkan anda mudah berfikir negatif. Tentukan situasi tersebut yang sudah anda jangka dan cuba untuk atasi persepsi negatif anda.

Kawal Perasaan Anda

- Ambil masa untuk berhenti berfikir seketika sekiranya berhadapan dengan hari atau berita yang buruk. Tenangkan fikiran, muhasabah diri dan sekiranya anda sedang bermain dengan pemikiran negatif, ubah dan pujuk diri untuk menjadi positif.

Kelilingi Diri Anda dengan Orang yang Positif

- Sebenarnya pandangan dan emosi yang positif dipengaruhi oleh orang dan persekitaran kita. Jauhi manusia yang pesimis atau persekitaran yang toksik.

Manfaatkan Penyataan Positif

- Kadang-kala kata-kata hikmah atau kata-kata inspirasi yang anda baca di dalam buku atau terlihat di paparan *posting* media sosial mahupun Internet mampu menaikkan semangat dan menceriakan hari anda. Anda boleh menulis kata-kata tersebut di atas sekeping kertas dan menampalnya di tempat yang sering anda lihat di tempat kerja mahupun di rumah.

Jenaka

- Rangsangkan monolog positif melalui ketawa mengikut situasi dan kesesuaian. Ianya adalah pengubat duka dan mampu mengurangkan tekanan. Anda boleh bersembang dengan rakan yang suka berjenaka dan ceria ataupun melihat siri televisyen atau video yang melucukan.

RUJUKAN:

<https://www.healthline.com/health/positive-self-talk#takeaway>

<http://www.cfselfhelp.org/library/changing-self-talk>





KESELAMATAN KANAK-KANAK: SUHU TERPERANGKAP DI DALAM KENDERAAN BERPARKIR

(Child Safety: Entrapped Heat in Parked Vehicles)

Nor Hanim Abd Rahman



<https://mobile.twitter.com/txdpssoutheast/status/1389918304349851652>



<https://www.wbko.com/content/news/Hot-Car-Danger-484623211.html>

Pengenalan

Isu kematian kanak-kanak yang ditinggalkan di dalam kereta keseorangan bukanlah sesuatu isu yang baru dan terhad kepada warga Malaysia sahaja. Ianya berlaku di setiap pelusuk negara di dunia ini dan perlu mendapat perhatian sepenuhnya untuk mengatasi dari berterusan terjadi. Di Amerika sahaja merekodkan sebanyak 882 bagi tahun 1998 sehingga 2020 sahaja, dengan purata tahunan mencatatkan 39 kanak-kanak kehilangan nyawa setiap tahun (Lena, 2021). Data terbaru mencatatkan 906 sehingga Januari 2022 dan kebanyakannya di kategorikan sebagai *Unintentional Killing*. Majoriti kematian ini melibatkan golongan kanak-kanak berusia di bawah usia tiga tahun. Kanak-kanak di usia ini menjadi mangsa utama kerana ketidakbolehan dan keberbatasan dalam pergerakan dan komunikasi. Menurut statistik yang dilakukan selama tempoh 24-tahun (1998–2021) menunjukkan 52.65% - '*Forgotten by caregiver*' (477 children), 25.83% - '*Gained Access on their own*' (234), 20.09% - '*Knowingly left by caregiver*' (182) dan 1.43% - '*Unknown*' (13).

Di Malaysia juga pernah digemparkan dengan kes-kes melibatkan kematian kanak-kanak yang tanpa niat di tinggalkan di dalam kereta keseorangan dengan mesin kereta yang dimatikan (Raffi 2018, Nuradzimmah 2020, Siti Zubaidah 2021, SHERALYN 2021). Kisah seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun, Nur Awfa Humaisha' Muhammad Ali Riduan, telah ditemui telah kebiruan maut akibat lemas setelah ditinggalkan selama empat jam dalam kereta oleh ibunya di kawasan parkir sebuah kolej vokasional, sempat dikejarkan ke Klinik Kesihatan Port Dickson, namun disahkan telah meninggal dunia (Raffi, 2018). Kita juga dikejutkan dengan kes di Alor Setar dimana ianya melibatkan kematian kanak-kanak lelaki berusia 3 tahun, Muhammad Harraz Aryan Mohd Hafizi, yang tanpa sengaja ditinggalkan di dalam kereta selama 4 jam tanpa pengudaraan yang mencukupi (SHERALYN, 2021). Seterusnya melibatkan kematian adik berusia 4 tahun, Aina Batrishah Aisyah Shaiful Azrul tanpa sengaja telah ditinggalkan bapa beliau di dalam kereta. Kejadian di Kedah ini juga telah mengundang kritikan dan perbincangan umum sehingga memberi kesan psikologi dan emosi yang mendalam kepada ahli keluarga arwah.

Kes dikenalpasti berpunca daripada strok-haba atau '*heatstroke or hyperthermia*'. Ini berpunca daripada suhu melampau, dan kes sebegini sekiranya didapati mempunyai unsur kecuaiian dan tidak membabitkan unsur lain akan jatuh di bawah Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun atau dan disaman sehingga RM50,000 (Zuliaty, 2021).

Definisi Strok-haba atau *Heat-stroke@Hyperthermia*?

Strok-haba atau *hyperthermia* melibatkan peningkatan suhu badan yang tinggi sehingga boleh mengakibatkan kematian. Ia berlaku kerana badan hilang kawalan untuk mengawal suhu badan secara optimal, dimana suhu badan akan meningkat secara mendadak dan sistem perpeluhan badan gagal menurunkan suhu badan tersebut. Sekiranya ini berlaku, strok-haba ini juga mampu merosakkan otak dan organ-organ badan yang lain juga, seterusnya kematian.

Kajian Perubahan Suhu di dalam Kenderaan

Kajian perubahan suhu terkumpul di dalam kereta yang dimatikan enjin dengan tingkap tertutup penuh dan separa tertutup adalah menyerupai *Greenhouse effect*. Menurut Safe Kids Worldwide (2022), sebuah kereta boleh memanaskan 19° F dalam hanya 10 minit, dan membuka sebahagian tingkap didapati tidak membantu samasekali bagi menurunkan suhu di dalam kereta. Manakala suhu akan meningkat 40° F dalam masa satu jam dimatikan enjin kenderaan. Walaupun suhu di luar kereta hanya 70° F atau 21.1° C, namun di dalam kereta boleh melepasi tahap bahaya. Kanak-kanak yang muda (kurang 3 tahun) adalah golongan berisiko tinggi kerana kepanasan tubuh kanak-kanak seusia tersebut boleh meningkat 3 ke 5 kali ganda lebih cepat berbanding orang dewasa. Malahan badan mereka masih tidakkeupayaan untuk menurunkan suhu badan mereka secara alami kerana sensori ini belum berkembang lagi (Seattle Childrens Hospital, 2022). Ketidakeupayaan ini memudahkan mereka dehidrasi dengan lebih cepat berbanding orang dewasa. Kajian menunjukkan tahap suhu bahaya strok-haba kepada kanak-kanak adalah bermula dari 104° F atau 40° C, dan membawa kematian bila menjejaki 107° F atau 41.7° C (Lena, 2021).

Kajian suhu yang dilaporkan ini disokong dengan dapatan kajian yang dilakukan di Malaysia, dimana walaupun suhu ambien hanya sekitar 29° C ke 32° C mampu meningkatkan suhu di dalam kereta sehingga menjangkau melebihi 60° C malahan boleh menjangkau ke 75° C dalam masa hanya kurang 20 minit. Kajian juga mendapati faktor-faktor melibatkan warna kereta, jenama kereta dan samada tingkap tertutup penuh atau sebahagian tertutup tidak signifikan dalam mempengaruhi kenaikan suhu di dalam kereta yang diletakkan di parkir dengan enjin tertutup (Nor Hanim et.al, 2005, 2006). Tetapi kajian tersebut mendapati kereta yang bersaiz kecil contohnya Kancil berbanding Unser dan Iswara memerlukan masa yang lebih lama iaitu 60 minit untuk mencapai suhu maksima 75° C. Ini menjadikan kereta bersaiz kecil 'lebih selamat', walaubagaimana lebih selamat di sini hanyalah sekadar membeli masa sahaja dan kematian boleh berlaku seawal 42° C.

Ini menjadikan risiko kematian di Malaysia akan jauh lebih tinggi berbanding kes-kes di Amerika, sekiranya berlaku kecuaiian ini. Malahan penggunaan gajet kipas solar automatik yang dikatakan mampu menurunkan suhu dalaman kereta juga gagal menunjukkan sebarang penurunan suhu yang signifikan (Nor Hanim et.al, 2005).

Konklusi dan Cadangan Cara Prevensi

Nyawa bukanlah taruhan kecuaiian, tidak kira dewasa maupun kanak-kanak. Oleh itu, langkah-langkah prevensi perlu dilakukan oleh semua pihak termasuk ibubapa, penjaga, pihak berkuasa, masyarakat setempat serta sekolah-sekolah. Antara tiga langkah utama yang perlu diambil usaha segera adalah:

- 1) Kempen Kesedaran atau *Awareness* di sekolah-sekolah bagi memberikan kesedaran akan bahaya strok-haba atau hyperthermia terutama ke atas kanak-kanak di bawah usia 3 tahun, serta langkah-langkah segera yang perlu diambil sekiranya berlaku. Kesedaran ini difokuskan kepada para ibubapa dan penjaga kanak-kanak untuk semua peringkat usia.
- 2) Ibubapa dan penjaga kanak-kanak juga perlu mengambil usaha tambahan dengan mengujudkan *Reminder* atau alat pemberi peringatan samada berbentuk digital *sensor*, cermin khas dan sebagainya.
- 3) Program atau kursus khas mempelajari cara-cara memberi bantuan kecemasan seperti CPR dan menyimpan nombor-nombor talian kecemasan.

Rujukan

- Jamie (November 2021). NEVER Leave Small Children Alone Inside A Vehicle Or Face Up To 20 Years Jail And RM50k Fine. Retrieved from <https://worldofbuzz.com/never-leave-small-children-vehicle/>
- Lena Borrelli (June 2021). Hot car safety statistics. Retrieved from <https://www.bankrate.com/insurance/car/hot-car-safety/#what>
- Nor Hanim Abd Rahman, Rozaiman A. Aziz & Suzana Ab.Rahim (2006). Entrapped Heat And Pressure In Parked Vehicles, Academic Journal Esteem Vol 2. ISSN: 1675-7939. Upena
- Nor Hanim Abd. Rahman, Rozaiman A. Aziz & Suzana Ab. Rahim (2005). A Study of Temperature and Pressure Changes in Closed and Slightly Closed Vehicles, Abstract Book. 114. CSSR
- Nuradzimmah Daim (August 2020). Why kids are 'forgotten' in cars. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/08/618208/why-kids-are-forgotten-cars>
- Seattle Children's Hospital (2022). Safety and Injury Prevention: The Dangers of Leaving Your Child Alone in a Car. Retrieved from <https://www.seattlechildrens.org/health-safety/keeping-kids-healthy/prevention/dangers-child-alone-car/>
- Safe Kids Worldwide (2022). Heatstrokes. Retrieved <https://www.safekids.org/heatstroke>
- Sheralyn (March 2021). 5yo Dies After Being Left In Car Without Ventilation, Kindergarten Principal Arrested. Retrieved from <https://worldofbuzz.com/5yo-dies-after-being-left-in-car-without-ventilation-kindergarten-principal-arrested/>
- Siti Zubaidah Zakaraya (March 2021). Budak maut dalam kereta: Pengetua tadika ditahan Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/128829/BERITA/Semasa/Budak-maut-dalam-kereta-Pengetua-tadika-ditahan>
- Raffi Bachik (Mac 2018). Kanak-kanak maut selepas ditinggalkan ibu empat jam dalam kereta. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-maut->
- Zuliaty Zulkiffli (2021). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/685413/muhammad-harraz-disahkan-alami-strok-haba-metrotv-selepas-ditinggalkan-ibu-empat-jam-dalam-kereta-170482>






LOGHAT KELATE VS GANU

Wan Anisha Binti Wan Mohammad, Syarifah Adilah Binti Mohamed Yusoff,
Azlina Binti Mohd Mydin & Elly Johana Binti Johan

OLEH: WAN ANISHA WAN MOHAMMAD, SYARIFAH ADILAH MOHAMED YUSUFF,
AZLINA MOHD MYDIN, ELLY JOHANA JOHAN #Canva

	KELATE	GANU
kenyang	sekok	se'eh
rambutan	mokte	moktang
manggis	woh seto	semete
tamak	krelong	tomok
baling	pekong	metong
taknak	tokse	takmboh
panjat	ghukhah	khabak
cakap	ghoyak	kabor
bersiar	degghak/jaley	jalang
hujan	uje	ujang
mangga	pauh	pelang
pukul	katok	bahang
semua	belako	belake
gula melaka	nise	nisang





DIDIK ANAK MENABUNG

Muniroh Hamat

Wang adalah salah satu perkara penting dalam kehidupan manusia sejak dari dahulu. Pengurusan wang yang berkesan menjadi asas dalam kelangsungan hidup, tambahan lagi ketika berhadapan dengan isu dan wabak global yang melanda pada masa kini. Salah satu perancangan kewangan yang berkesan ialah dengan amalan menabung. Amalan menabung senang dilakukan tetapi perlu konsisten dalam mengaplikasikannya dengan mengikuti panduan yang tepat.

Menabung adalah salah satu aspek penting untuk membina asas kewangan yang kukuh, namun masih ramai antara kita yang tidak mengambil berat kepentingan menabung ini. Mendidik dan mengajar anak-anak menabung bukan sahaja dapat mengajar mereka kaedah untuk menyimpan wang, malah secara tidak langsung dapat mengenali wang ringgit dari usia muda. Kesedaran untuk menabung haruslah dilakukan ketika anak-anak masih kecil lagi, kerana ketika usia di awal sekitar 6 hingga 7 tahun, kanak-kanak lebih mudah dan cepat belajar serta mudah menyerap apa yang berlaku di sekelilingnya. Dan sebagai ibu dan bapa, kita seharusnya mendidik dan menggalakkan anak-anak belajar menguruskan perbelanjaan dari kecil agar mereka tidak membesar menjadi seorang yang boros dan tidak tahu menghargai wang. Tabiat kewangan yang baik seharusnya dipupuk oleh ibu bapa itu sendiri dengan menjadi role model terhebat di mata anak-anak.

Beberapa tips dikongsikan untuk mendidik si kecil menabung:

1. *Hadiahkan tabung yang menarik*

Terdapat pelbagai bentuk tabung di pasaran. Hadiahkan tabung yang boleh menarik minat anak-anak seperti watak animasi kegemaran mereka.

2. *Tetapkan sasaran simpanan*

Didik mereka untuk menyimpan duit sekiranya mereka ingin membeli sesuatu. Dengan cara ini, mereka lebih menghargai barangan yang dibeli kerana menggunakan wang simpanan mereka.

3. *Jadikan diri anda mentor pada anak-anak anda*

Anak kecil selalu mengikuti perbuatan orang tua mereka. Jadi anda boleh menjadi contoh pada mereka. Tunjukkan yang anda juga ada tabiat suka menabung. Letakkan tabung anda bersebelahan mereka. Apabila mereka nampak anda memasukkan duit dalam tabung, sekaligus timbul keinginan untuk melakukan perkara yang sama.

4. *Berikan ganjaran kecil*

Sesekali berikan ganjaran daripada usaha mereka dalam meningkatkan tabungan. Contohnya belanja aiskrim kesukaan mereka, belikan buku atau memasak masakan kegemaran mereka.

5. *Buka akaun simpanan*

Kebanyakan bank menawarkan akaun Junior bagi kanak-kanak bawah 12 tahun. Hadiah percuma juga ditawarkan untuk tujuan promosi apabila membuka akaun. Anak-anak akan lebih bersemangat apabila mereka melihat sendiri buku bank dicatat dengan nama mereka sendiri dan jumlah wang yang telah disimpan.

Kesimpulannya, apa-apa pun semuanya bermula dengan anda. Sebagai ibu bapa, kita tidak boleh mengharapkan anak kita menjadi seorang yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan apatah lagi kita mengamalkan gaya hidup yang boros. Oleh itu, janganlah menjadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus.

Selamat menabung...





BATU SHAMDANITE

Fadzilawani Astifar Alias & Norhafizah Ahmad

Pernahkah anda dengar tentang batu Shamdanite? Tahukah anda bahawa batu ini mempunyai banyak khasiatnya? Sumber alam yang berada di sekeliling kita ini mempunyai banyak kegunaanya. Antara yang telah ditemui adalah batu shamdanite.

Batu Shamdanite turut dikenali sebagai batu buih ini sering dijadikan penggunaannya oleh orang-orang kampung sebagai penawar bisa. Bagaimana mahu membezakan batu shamdanite dengan batu biasa. Batu shamdanite ini tidak solid. Batu ini tidak keras (bersifat lembut) dimana permukaannya berlubang-lubang. Jika direndam batu ini, ia akan mengeluarkan buih. Airnya berkapur dan menyerap air. Kebiasaannya batu ini berwarna hitam, putih susu, coklat atau hitam berbelang putih.

KHASIAT BATU SHAMDANITE (BATU BUIH)



Kredit gambar dari page Facebook Batu Shamdanite

Masalah yang dihadapi	Cara Penggunaanya
Patukan Ular	Ambil batu ini dan letakkan pada tempat patukan ular tersebut dan biarkan sehingga ia jatuh sendiri. Ia akan melekat pada patukan. Selepas menggunakan batu tersebut, masukkan batu ke dalam air kelapa selama satu hari untuk buang bisa dalam batu.
Panas Badan	Rendamkan batu shamdanite ke dalam bekas. Biarkan selama 30 minit lalu ambil air ini dan sapukan pada bahagian perut, kepala dan di

	sepanjang tulang belakang. Lakukan sekerap yang mungkin.
Masalah Mata	Rendamkan batu shamdanite dalam satu cawan air dan biarkan selama 15 minit. Selepas itu ambil air dan titikkan air tersebut ke dalam mata. Lakukan dua kali sehari.
Radang Sendi	Rendam batu shamdanite sehari semalam. Pada malamnya dibiarkan batu itu dalam bekas air dan pada keesokan harinya selepas subuh air tersebut digunakan untuk mandi dan disapukan pada bahagian sendi yang sakit.
Penyakit kulit	Taburkan serbuk batu shamdanite pada tempat sakit dua kali sehari sehingga sembuh.

Semoga memberi manfaat untuk kita semua. Batu shamdanite ini cuma sebagai ikhtiar untuk menyembuhkan sesuatu penyakit tetapi yang menyembuhkan ialah Tuhan Yang Maha Menyembuhkan.





MANGGA HARUMANIS PERLIS

Nurhafizah Ahmad & Fadzilawani Astifar Alias



Sumber: manggaharumanis.com

Mangga harumanis atau nama saintifiknya ‘*Mangifera indica* Linn’ adalah sinonim dengan negeri Perlis. Mangga ini mendapat namanya daripada aromanya yang harum dan rasanya yang manis. Mangga ini merupakan baka mangga terbaik di Malaysia. Mangga harumanis hanya berbuah sekali sahaja setahun antara bulan April hingga Jun. Faktor cuaca panas dan kemarau di negeri Perlis pada bulan Januari sehingga Mac sesuai untuk mangga harumanis berbunga. Pekan Chuping di Perlis pernah merekodkan suhu tertinggi dan terpanas di Malaysia iaitu 40.1 °C. Maka tidak hairanlah mangga harumanis lebih sesuai ditanam di negeri Perlis.

Penjagaan tanaman harumanis yang agak rumit bermula dari awal fasa penanaman sehingga fasa pengumpulan buah menyebabkan harganya menjadi mahal. Sekilogram mangga harumanis boleh mencecah harga RM 25 hingga RM45 bergantung kepada gred dan kualiti buah tersebut. Namun tetap menjadi pilihan kerana tekstur isinya yang halus kurang berserat, rasanya yang manis dan haruman buahnya sangat sedap dimakan.

Ciri-ciri harumanis adalah seperti berikut:


- Buah masak berwarna hijau (bergantung pada jenis dan warna pembalut)
- Hujung buah rata dan tumpul
- Serat yang terlekat pada biji sangat sedikit
- Serat yang terlekat pada kulit sangat sedikit.
- Tekstur isi halus
- Isi buah masak berwarna kuning jingga, manis, harum dan sangat berjus
- Berat buah diantara 350-650 gram



Sumber: Pendidikan Pemasaran FAMA

Buah mangga harumanis ini mempunyai bentuknya yang tersendiri. Ia sedikit gempal, tidak terlalu besar. Harumanis ini tidak kurus langsing dan tidak berbentuk runcing seperti buah mangga yang lain. Perbezaan ketara bentuk harumanis adalah pada hujung ekornya akan kelihatan seolah-olah dua bucu yang tidak tajam. Orang perlis kata ada “2 pungkoq” yang bermaksud “2 punggung”.

Mangga harumanis akan harum dan manis apabila sudah matang dan bersedia untuk dimakan oleh penggemarnya. Mangga harumanis mengandungi protein, lemak, karbohidrat, serat dan air. Indeks glisemik (GI) adalah 55 unit dimana buah mangga mengandungi karbohidrat sederhana yang cukup untuk menyebabkan lonjakan glukosa darah. Ini adalah nilai garis batas antara GI sederhana dan rendah. Walaupun mangga harumanis tidak berbahaya bagi penghidap diabetes, tetap tidak digalakkan mengambilnya dalam jumlah yang banyak.



Sumber pembacaan:

1. Cara mengenal dan memilih pelam harum manis <http://nusaybahanuwar.com/cara-mengenal-dan-memilih-pelam-harum-manis/>
2. Cara kenal buah manga harumanis yang asli <https://www.belangtarung.com/2018/01/cara-kenal-buah-mangga-harum-manis-yang.html>.
3. Blog Rasmi MARDI: Manisnya Harumanis, ‘Mangifera indica Linn’ <https://blogmardi.wordpress.com/2017/06/06/manisnya-harumanis-mangifera-indica-linn/#more-2339>.





KITA INSAN TERPILIH

Zuraira Libasin

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua. Sewaktu saya menulis artikel ini, saya telah dikejutkan dengan berita sedih di mana ada rakan2 saya sama ada dirinya sendiri atau ahli keluarganya telah dijangkiti virus Covid-19. Rupanya virus ini masih lagi bergerak aktif tanpa leka menyerang sesiapa sahaja yang dikehendaki. Kita sahaja manusia yang suka leka dan selalu ambil mudah tentang sesuatu perkara. Sesungguhnya segala yang terjadi itu adalah atas izin Allah SWT jua.

Sejak kerajaan mengumumkan rakyat boleh rentas negeri, suami saya dilihat amat gembira kerana sudah hampir dua tahun tidak bertemu dengan ibunya secara fizikal. Selalu hanya dengan *video call* sahaja. Itu pun tersangkut-sangkut sebab talian di felda kadang ok, kadang tak. Ikut rezeki. Saya pun gembira bila lihat suami *happy*. Maka dengan itu, kami merancang untuk pulang ke kampung di N9. Dos pun dh lengkap diambil. Rasanya tiada masalah untuk pulang ke kampung kerana segala peraturan telah kami penuhi. Seperti yang dirancang, tarikh cuti Deepavali dipilih utk balik kampung...yeayyy!!

Duduk di kampung tidaklah lama, kerana hari Isnin dah masuk bekerja. Pada tarikh 7/11/2021 kami pulang ke sarang. Sebelum sampai ke *Penang*, kami hanya singgah di RTC Perak. Maka di situ la kami berehat dan menikmati hidangan *sizzling*. Kami sangat *excited* sebabnya dah lama tak *dine-in* sejak PKP semua tu la. Tetapi tidak disangka, rupanya di sini lah kami menjadi insan yang dipilih oleh Allah untuk diuji dengan salah satu makhlukNya yg Maha Hebat hasil daripada siasatan pegawai penyiasat KKM.

Pada 10/11/2021, Hijaz tiba-tiba muntah dan badan pun mulai terasa panas. Masa ni tak fikir pun pasal Covid. Bagi ubat demam, dia pun tidur. Tapi hati tergerak hati untuk membuat ujian saliva. Esoknya buat *test*, Hijaz disahkan negatif. Alhamdulillah. Maka seperti biasa utin harian, menghantar anak ke rumah mak di sutera. Tapi demam Hijaz masih ada dan dia juga pening kepala. Nak dijadikan cerita, suami saja-saja nak buat *test*. Waktu tu dia kerja masuk lewat. Semasa dia buat *test* tu, saya dan anak-anak tiada di rumah. Pada pukul 11 pagi, saya mendapat panggilan dari suami yang mengatakan bahawa hasil ujiannya ialah positif. Suami melapor diri ke Pusat Kokurikulum Bukit Mertajam seperti yang diarahkan oleh pegawai perubatan di KKSJ di mana di situlah CAC Covid-19 bg daerah SPT. Di sana, suami dipakaikan gelang hijau, diperiksa tahap kesihatan dan diberikan surat kuarantin. Pegawai KKM juga mengarahkan kami semua ke pusat saringan yg terletak di kompleks sukan MBSP.

Pada 12/11/2021, terus menghantar Hijaz ke CAC kerana dia sudah pun disahkan positif hasil ujian saliva. Prosedur yang sama dibuat oleh KKM ke atas Hijaz sama seperti yang dibuat pada suami. Oleh sebab saya keletihan, saya bercadang untuk membuat saringan pada esoknya walaupun ujian saliva menunjukkan saya, Nia dan Hayyan negatif. Agaknya itu prosedurnya. Ikut sajalah. Pada 13/11/2021, kami menjalani ujian PCR. Pada hari itu juga Nia menunjukkan tanda demam. Saya dan Hayyan, alhamdulillah masih ok. Kiranya tiada simptom. Dalam hati dah agak, yang demam ni mesti positif. Tekaan saya betul (atas izinNya juga), esoknya keputusan menunjukkan Nia positif. Saya kekal negatif. Tetapi keputusan Hayyan ialah KIV. Agak merisaukan juga dgn status tu.

Pada 15/11/2021, Hayyan didapati demam panas sehingga mencecah 40°C. Keputusan masih lagi tak dapat. Sabar sajalah. Yang pasti tetap cecal meneruskan hidup seperti biasa. Pada 16/11/2021, alhamdulillah akhirnya dapat *result* juga. Hayyan didapati positif. Dia perlu dibawa ke CAC utk pemeriksaan oleh pakar. Untuk maklumat pembaca sekalian, *once* kita dah positif, memang perlu ke CAC utk berjumpa pakar. Pakar nak pastikan tahap kesihatan kita dan menentukan adakah kita layak atau tidak untuk kuarantin di rumah. Malam tu saya mula rasa sakit tekak. Badan rasa tak ok. Selsema. Tengah malam tu juga sy *check*, dan ternyata saya positif.....

Pada 17/11/2021, saya *update* saringan UiTM. Sebelum ni kontak rapat saja. Kini saya telah bertukar status kepada pesakit Covid. Mysejahtera pun sudah bertukar warna. Saya diarahkan untuk ke pusat saringan pada 19/11/2021. Agak lama bukan. Macam biasa, prosedur KKM. Ikut saja. Ketika ni suami dah sihat. Cuma deria bau dan rasa saja yang belum pulih. Giliran dia pula jaga kami. Begitulah aturan hidup kita. Allah tak kejam. Sesungguhnya perancangan Allah jua yg terbaik.

Makanya tiadalah lagi SOP di rumah hehehe!!! Masing-masing positif, boleh ke sana ke sini sesuka hati di dalam rumah. Sepanjang kuarantin, rumah sentiasa *diffuse* dgn EO *Thieves* (EO ni ada ramuan cengkih), kadang-kadang tukar dengan EO Lemon pula. Bubur dan sup ayam sahaja yg mampu kami nikmati ketika itu. Air teh lemon menjadi *favourite* kami. Air kosong memang paksa minum sekerap yg mungkin. Alhamduillah lama2 kami beransur pulih. Terima kasih keluarga, kawan-kawan yang sentiasa mendoakan kesejahteraan kami. Terima kasih juga atas segala sumbangan yang telah diberikan kepada saya dan keluarga.

Virus Covid19 memang seperti *flu* biasa bagi yang tiada penyakit kronik. Tetapi mungkin menjadi kronik kepada mereka yang ada penyakit kronik. Kita hanya mampu doa yang baik-baik sahaja. Menjaga SOP dan mengambil vaksin adalah salah satu ikhtiar saja untuk tidak dijangkiti. Itu usaha kita. Selebihnya, itu urusan Allah. Saya doakan kepada rakan-rakan yang telah dijangkiti virus ini baik diri sendiri atau ahli keluarga, moga cepat sembuh dan sentiasa sabar. Jangan sedih-sedih sebab kita adalah insan terpilih ❤





RESIPI KEK MATA KUCING

Siti Balqis Mahlan

Kek mata kucing merupakan antara kek kukus yang popular di Sarawak dan ianya juga menjadi kek pilihan utama bagi penduduk di Brunei. Warna dan rupa kek ini seakan-akan sama seperti kek kukus belacan dan kek kukus hati pari yang juga merupakan kek pilihan ramai di Sarawak. Namun, terdapat sedikit kelainan dalam bahan yang digunakan bagi setiap jenis kek kukus ini. Kek ‘mata kucing’ hanyalah sekadar pada nama sahaja kerana bahan yang digunakan tidak menggunakan buah mata kucing. Namun, terdapat sesetengah peminat kek ini meletakkan biji ceri supaya kek ini kelihatan seperti mata kucing apabila dihidangkan.

Tempoh masa untuk mengukus kek ini adalah selama tiga ke empat jam. Ada juga yang mengukus kek ini dengan hanya sejam ke dua jam sahaja. Terdapat berbagai pendapat yang mengatakan bahawa tempoh masa pengukusan akan mempengaruhi ketahanan kek tersebut di mana ianya mengekalkan kelembapan kek tersebut. Ada juga yang memberi tips untuk menyimpan kek kukus ini ke dalam peti sejuk beku dan perlulah dibalut dengan plastik *wrap* serta dimasukkan ke dalam bekas yang bersesuaian. Sekiranya hendak dihidangkan, ianya boleh dikukus semula. Selain itu, ada juga yang berpendapat kek kukus haruslah terus dibakar sekejap sahaja sejeurus selepas dikukus supaya lebih tahan lama.



Rujukan: <https://m.facebook.com/dots.bn/photos/a.1907663896121013/2032203190333749/>

Rasanya yang amat sedap dan lemak berkrim membuatkan kek ini menjadi pilihan ramai untuk dihidangkan semasa sambutan di Aidilfitri. Kek ini juga boleh dijadikan juadah minum pagi atau petang. Jika dilihat sekilas pandang, ianya menyerupai seperti kek coklat namun kek ini tidak menggunakan coklat sebagai bahan utama. Kek ini menggunakan gula hitam untuk menjadikan warnanya gelap. Gula hitam boleh dibuat sendiri ataupun dibeli melalui kedai ataupun secara atas talian. Berikut merupakan resipi yang digunakan oleh penulis.

Bahan-bahannya:

- 10 biji telur (Gred A)
- 450 gm mentega (Golden Churn) - atau sebarang jenama lain
- 150 gm gula halus (boleh dikurangkan)
- 1 tin sederhana seri kaya Yeo's (300gm) - atau sebarang jenama lain
- 1 tin kecil susu pekat manis
- 1 paket kecil Horlicks (200 gm)
- 150 gm Milo
- 300 gm tepung gandum (diayak)
- 1 botol gula hitam (140 gm)



Rujukan: Shopee (nad_zayadi)



Rujukan: Shopee (kawkawstore)

Cara-caranya:

1. Putar mentega dan gula sehingga kembang atau putih berkrim.
2. Masukkan telur satu persatu dan putar sehingga kembang.
3. Masukkan seri kaya, susu pekat, Milo dan Horlicks. Putar sehingga adunan menjadi sekata.
4. Campurkan tepung gandum dan putar sehingga sekata.
5. Kemudian, masukkan gula hitam dan putar.
6. Akhir sekali, masukkan adunan ke dalam loyang dan kukus sehingga masak selama 3 ke 4 jam. (Boleh juga dikukus selama 1-2 jam sahaja)

Selamat mencuba... Pastinya sedap dan lazat...





NOSTALGIA BISKUT RAYA LEJEN

Nurhafizah Ahmad

Menjengah memori zaman remaja dahulu, tiap kali menjelang hari raya aidilfitri dan aidiladha, tradisi keluarga kami membuat biskut raya secara gotong-royong di rumah tok. Bayangkanlah keriuhan di dapur rumah apabila anak-anak dan cucu-cucu berkumpul beramai-ramai. Tangan ligat bekerja sambil mulut berkongsi cerita dan bergurau senda. Setiap orang ada tugas masing-masing. Ada yang membancuh tepung, menangkap adunan, membakar biskut, menyusun biskut raya dalam balang, juga ada cucu kecil yang tekun menunggu untuk makan biskut raya panas-panas.

Antara biskut raya yang menjadi menu wajib ialah biskut samperit, biskut kacang cernai, biskut milo dan biskut pinker. Biskut samperit paling menjadi kegemaran ramai, setiap peringkat umur. Setiap kali hari raya, paling sedikit mak akan menyediakan 3 adunan samperit. Habis licin balang samperit tak sempat tibanya 20 Syawal. Biskut ini paling mudah dan ringkas penyediaannya. Formula sukatan bahannya 2:1:2:1 mudah diingati. Jika hendak membuat biskut, tak perlu membelek buku resepi lagi. Kebanyakan resepi biskut tok menggunakan marjerin Planta. Boleh diubah jenis mentega atau marjerin mengikut citarasa anda sendiri namun rasa asli biskut raya yang dimakan dari zaman kanak-kanak tetap akan dikekalkan. Tiap suapan mengimbau nostalgia lama.

SAMPERIT TOK AH (ZAHARAH BAHAROM)

Bahan-bahan:

- 200g marjerin Planta
- 100g gula aising
- 200g tepung gandum
- 100g tepung jagung
- 1 sudu kecil esen vanilla
- Ceri merah sebagai hiasan



Sumber: Chu Yusmini (RASA)

Cara penyediaan:

1. Pukul marjerin dan gula aising hingga warna kuning marjerin pudar menggunakan senduk kayu.
2. Masukkan esen vanilla, kacau rata.
3. Tambahkan tepung gandum dan tepung jagung yang sudah diayak. Kacau sehati.
4. Masukkan adunan ke dalam acuan samperit, tekan di atas dulang pembakar yang sudah di gris mentega.
5. Hiaskan dengan potongan ceri merah.
6. Bakar dalam ketuhar pada suhu 160°C selama 15-20 minit ataupun sehingga masak.

- * Anggaran 1 adunan hasilkan 80-90 biji biskut bergantung pada jenis dan saiz acuan.
- * Suhu ketuhar dan masa membakar mungkin berbeza bergantung pada jenis ketuhar masing-masing.
- * Elakkan mengacau adunan berlebihan supaya adunan tidak terlalu kembang dan bunga samperit tidak jatuh.

Biskut kacang cermai juga menjadi kegemaran. Ada yang memanggilnya biskut senyum atau biskut butang cendawan. Bentuk biskut yang kecil comel dan rasa kacang tanah yang rangup bila digigit sangat disukai. Sedar tak sedar semangkuk sudah habis dimakan. Proses membuatnya sangat mudah namun memerlukan kecekapan ketika mengeluarkan biskut dari acuan yang panas. Sukatan bahan-bahannya juga mudah diingati, menggunakan bahan sedia ada di rumah.

BISKUT KACANG CERMAI

Bahan-bahan :

- | | |
|---------|-----------------|
| 2 cawan | tepung gandum |
| 1 cawan | tepung jagung |
| 1 cawan | tepung ubi kayu |
| 1 cawan | gula aising |

Marjerin Planta

Kacang tanah yang digoreng tanpa minyak dan dibuang kulit.



Cara penyediaan:

1. Ayakkan ketiga-tiga jenis tepung. Masukkan ke dalam mangkuk adunan. Tambahkan gula aising dan gaul sebati.
2. Tambahkan marjerin sedikit demi sedikit sehingga adunan menjadi doh mudah digentel.
3. Ambil adunan sebesar setengah ibu jari. Masukkan sebiji kacang tanah. Bulatkan adunan hingga kemas.
4. Ulang sehingga semua adunan selesai digentel. Kemudian griskan acuan biskut dengan marjerin dan susun atas dulang pembakar.
5. Panaskan ketuhar pada suhu 160 °C.
6. Masukkan acuan biskut ke dalam ketuhar selama 1 minit. Keluarkan.
7. Ketika acuan biskut masih panas, masukkan adunan ke dalam acuan. Tujuannya supaya biskut mudah dikeluarkan dan tidak melekat pada acuan setelah masak.
8. Bakar selama 20 minit ataupun sehingga masak.
9. Keluarkan biskut dari acuan ketika panas. Masukkan adunan yang belum dibakar dengan segera ke dalam acuan tersebut. Ulang proses membakar sehingga selesai.

- * Suhu ketuhar dan masa membakar mungkin berbeza bergantung pada jenis ketuhar masing-masing.
- * Pilih kacang tanah bersaiz besar untuk lebih nikmat apabila dimakan. Jumlah biskut yang dihasilkan saya tak pernah kira kerana terlalu comel biskutnya. 😊

Berikut adalah bentuk acuan yang biskut kacang cermai dan biskut samperit lejen:



Sumber: Ithnin Halipah (RASA)



Sumber: FB Loyang & Acuan

Resepi yang dikongsikan ini, ada banyak kenangan bersamanya. Menu nostalgia yang tak akan dilupakan selamanya. Sehebat mana pun biskut raya moden, biskut raya lejen tetap dihati. Semoga arwah tok sentiasa dicucuri rahmat Allah dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh. Aamiin....

Masuk ke hutan memburu rusa,
Tumbuh segar daun selasih,
Air tangan bonda pelengkap rasa,
Juadah dimasak beserta kasih.

Melompat si katak dengan riangnya,
Terbang di awan si burung helang,
Resepi lama tinggi nilainya,
Warisilah ia sebelum hilang.





MARI BERKREATIF: GUBAHAN BUNGA, COKLAT ATAU WANG KERTAS

Maisurah Shamsuddin


Apakah yang anda fikirkan untuk diberikan sebagai hadiah hari lahir atau hadiah untuk orang tersayang? Sekiranya masih mencari-cari hadiah yang sesuai, jom kita hasilkan satu gubahan yang cantik dipenuhi coklat atau wang kertas atau apa sahaja yang menarik dan sesuai. Mari ikuti langkah-langkah asas seperti berikut:

Langkah 1: Sediakan bahan-bahan yang diperlukan seperti gam tembak, pita selofan, gunting, kertas pembalut, lidi pelbagai saiz (lidi cucuk satay pun boleh), getah/tali, span bunga, riben serta bahan-bahan utama yang diperlukan iaitu bunga hiasan, coklat atau wang kertas seperti yang telah ditunjukkan di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Bahan yang diperlukan

Langkah 2: Lekatkan lidi pada setiap bahan hiasan tadi dengan menggunakan gam tembak supaya ianya melekat dengan kuat seperti dalam Rajah 2. Sekiranya hendak menggunakan wang kertas, boleh digulung atau dilipat terlebih dahulu mengikut citarasa sendiri sebelum dilekatkan dengan lidi (Rajah 3).



Rajah 2



Rajah 3

Langkah 3: Cucuk setiap lidi tadi ke atas gabus mengikut susunan dan kreativiti masing-masing. Susunan tersebut boleh dihias seperti Rajah 4 atau contoh lain pada Rajah 5.




Rajah 4



Rajah 5

Langkah 4: Sediakan 4 atau 5 helai kertas pembalut. Gunting/potong kertas pembalut kepada dua dan empat bahagian mengikut kesesuaian (Rajah 6). Cara ukuran yang boleh digunakan untuk mendapatkan potongan pertama kertas pembalut adalah seperti dalam Rajah 7. Kemudian, ambil tiga bahagian kertas pembalut tadi untuk dilipat dan disusun seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.



Rajah 6



Rajah 7



Rajah 8

Langkah 5: Letakkan hasil gubahan pada langkah 3 tadi di atas kertas pembalut yang telah siap disusun tadi seperti dalam Rajah 9. Ikat menggunakan getah (Rajah 10) dan untuk kukuhkan lagi, boleh diikat menggunakan tali. Susunan kertas pembalut untuk diikat adalah mengikut kesesuaian dan kreativiti masing-masing. Lebih kertas pembalut yang ada akan digunakan untuk menutup bahagian hadapan (gunting menjadi 4 bahagian) dan kemudian lipat dan ikat dengan getah atau tali seperti dalam Rajah 11. Langkah akhir adalah dengan meletakkan atau mengikat bahagian tadi dengan riben (Rajah 12) mengikut kreativiti sendiri supaya ianya nampak lebih menarik.



Rajah 9



Rajah 10



Rajah 11



Rajah 12

Hanya 5 langkah mudah yang perlu diikuti untuk menghasilkan gubahan yang ringkas, cantik, dan menarik.

Selamat Mencuba!

Berikut adalah hasil gubahan kreatif dari sentuhan Pn Zurairah Shamsuddin yang boleh dijadikan sebagai contoh. Moga mendapat inspirasi.





MUSAFIR HAJI 1434H

Noor 'Aina Abdul Razak

Hampir separuh abad berjalan di muka bumi Allah. Kenangan lama kembali mengetuk minda tua. Sembilan tahun yang lalu, syukur Allah telah mengurniakan rezeki bermusafir ke bumi penuh barakah, bumi kecintaan Rasulullah. Kisah ini sebagai permulaan satu ceritera panjang. Semoga ia dapat menjadi panduan dan memberi manfaat biar pun sekelumit cuma pada para pembaca yang sudi menatap dan menunggu hingga ke hujung garisan. Zaman pandemik Covid-19 ini, kisah dan laluan bermusafir pasti berbeza. Aku sekadar menyampaikan apa yang telah dilalui. Mungkin ada sedikit ilmu di situ tanpa disedari. **(JANGAN LUPA DAFTAR HAJI DULU YA.)**

"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh." (Al-Haji 22:27)

Setahun dua sebelum menerima panggilan Agung ini, duhai bakal-bakal Duyufurhman sekalian, hadirlah ke mana-mana kursus haji bersiri yang ada berhampiran tempat tinggal. Kali pertama aku hadir kursus memang tidak cukup. Pandangan masih samar-samar. Kali kedua hadir kursus haji guru berbeza, jerebunya sudah berkurangan. Pergi pula kursus haji buat kali ketiga. Alhamdulillah. InsyaaAllah keyakinan sudah ada. Namun begitu, sebanyak mana pun kursus haji yang aku hadir, pasti ada persoalan demi persoalan yang timbul berkaitan haji. Sehingga seketul jasad ini berada di sana dan mengalami suasanaanya. Itu pasti! Jangan sesekali berasa sudah cukup ilmu walaupun mengikuti 10 kursus haji. Kefahaman kita tak akan mencapai tahap ustaz ustazah yang memang menjadi

makanan mereka setiap kali musim haji tiba. Memang salah tanggapan itu.

Jika berpeluang, hadirkan diri semasa kursus haji 17 siri anjuran Tabung Haji. Kealpaan diri sendiri menyebabkan aku tidak mengikuti kursus anjuran Tabung Haji. Namun, Kursus Intensif Haji yang dihadiri amat-amat membantu. Akhir sekali, bakal-bakal jemaah dikumpulkan di Kursus Perdana Haji. Kursus separa praktikal yang dapat memberi gambaran bagaimana tawaf, mabit di Muzdalifah dan melontar dilaksanakan. Berlatihlah berjalan-jalan. Di sana nanti, kita akan berjalan dan terus berjalan dan berjalan. Ia menuntut kudrat yang hampir mencapai separuh abad, dan sudah tentu kesabaran tahap tinggi diperlukan. Sabar, memang kena sabar. Banyakkan istigfar. MasyaAllah. Kita mampu buat InsyaaAllah. Oh, ya. Semasa kursus ini juga jemaah-jemaah Pulau Pinang menerima kit haji mengandungi vitamin, pencuci tangan, berus gigi dan sebagainya (sumbangan pelbagai syarikat). Sebagai jemaah Kedah, aku menerimanya di Tabung Haji Kulim. Kit mengandungi sepasang telekung bagi perempuan dan sehelai kain pelikat bagi lelaki, pengecas antarabangsa dan lain-lain lagi.

Tiba masanya, sepucuk surat rindu diterima daripada Tabung Haji, menyatakan aku dan suami diterima sebagai tetamu Agung. Perlu menjawab terima atau tidak. Boleh pilih untuk ke Madinah atau Makkah dahulu (ini yang menentukan kapal awal atau hujung musim haji). Begitu juga pilihan lapangan terbang. Aku memilih penerbangan terus dari Bayan Lepas. Sebab itulah teman-teman serumah semuanya jemaah Pulau Pinang sedangkan aku jemaah Kedah. Pilihan subsidi RM5000 (untuk kali pertama) juga ditanya. Jumlah semua RM15K (untuk kali kedua) dan kali pertama boleh juga jika memilih RM15K. Sudah tentu aku terima subsidi RM5K. Jadi bayaran RM10K saja. Setahun dua selepas 2013, pemilihan lapangan

terbang sudah tiada. Semua jemaah akan berkumpul di KLIA untuk ke Madinah atau Makkah. Begitu juga nilai untuk mengerjakan haji pasti berubah pada musim akan datang.

Selepas kursus intensif haji, jemaah akan dimaklumkan tarikh penerbangan pergi dan balik. Surat inilah yang amat dinanti-nantikan untuk memohon pelepasan cuti. Buku pemeriksaan kesihatan dan gelang pengenalan sudah diterima selepas menjawab surat penerimaan sebelum ini. Aku menjalani pemeriksaan kesihatan mengikut masa yang ditetapkan. Jika tidak, agak sukar mencari slot masa yang sesuai. Aku perlu mengambil cuti rehat untuk urusan ini memandangkan pemeriksaan dijalankan di Klinik Kesihatan Kulim. Suntikan wajib satu sahaja. Dua lagi suntikan terpulang pada jemaah dan aku tidak mengambilnya memandangkan slot masa yang diberi tidak sesuai. InsyaaAllah, Allah ada untuk jaga kita.



Dari Bayan Lepas, ada tiga penerbangan (dirujuk sebagai KT – kapal terbang) ke Madinah dan dua ke Makkah. Aku memilih untuk memasuki Kota Makkah dahulu. Jujurnya, jika diberi pilihan sekali lagi, aku pasti memilih penerbangan terakhir ke Makkah iaitu dari KLIA. Ini kerana, di hujung-hujung musim haji ramai jemaah sudah berada di Madinah. Suasana di Makkah agak lengang dan selesa untuk mengerjakan tawaf. Suasana kurang sesak walaupun masih berjuta umat negara lain berada di sini. Alangkah seronoknya jika dapat tawaf dengan selesa tanpa perlu berhimpit-himpit. Allahuakbar.

Dari masa ke semasa Tabung Haji akan menghantar surat-surat berkaitan untuk perhatian kita. Jangan abaikan. Semasa aku ke sana, jemaah wanita di bawah 45 tahun mesti mempunyai mahram. Mesti tunjukkan bukti jika itu suami yang mengiringi. Tarikh dan masa yang dijadualkan oleh pihak Tabung Haji untuk urusan-urusan berkaitan haji perlu diikuti sebaik mungkin. Selesai urusan-urusan berkaitan, aku baru kisahkan persediaan keperluan haji. Setiap Sabtu, aktiviti membeli belah keperluan haji.

Semasa mengikuti kursus haji, bakal-bakal jemaah juga sudah diberitahu mengenai senarai barang-barang yang perlu dibeli utk dibawa ke Tanah Suci. Kalau nak ikut senarai silakan. Jika tidak, boleh buat pilihan sendiri. Rajin-rajinlah bertanya, tidak rugi sedikit pun. Berdasarkan pengalaman aku (terasa macam mahu terbang ke sana lagi), aku senaraikan setakat mana sel-sel otak ini masih berhubung untuk menyampaikan apa yang diingati.

1. T-shirt bepocket utk wanita. Tidak perlu jika berbaju kain tebal dan telekung/tudung labuh sentiasa. Tujuannya untuk menyimpan duit atau pengenalan berharga. Jangan pula membawa beg tangan ke sana ya. Aku membawa sehelai pemberian kakak, tetapi digunakan untuk tidur sahaja 😊.

2. Jika tidak mahu bertelekung, pakailah pakaian dan tudung labuh yg boleh dibawa solat. Lebih selesa. Selepas solat boleh pergi makan-makan atau membeli-belah dengan selesa...hehehe.

3. Losyen badan dan tangan, pelembap mulut dan sewaktu dengannya terpulang kepada diri masing-masing. Ia amat perlu jika kulit mudah kering dan sensitif. Aku bawa semuanya tetapi tidak digunakan. *Sunproof* rasanya hehehe.

4. Ubat-ubatan untuk stok sepanjang di sana, terutama ubat-ubat yang khusus untuk kegunaan sendiri. Setakat demam atau batuk, boleh buat kunjungan mesra ke klinik Malaysia di sana. Vitamin C dan multivitamin aku tak perlu beli sebab sudah diberi percuma semasa kursus haji. Stok untuk dua bulan, tapi sempat nak makan juga. Degil juga ini jemaah ya.

5. Pakaian harian, terpulung. Mahu pakai baju kurung, jubah, apa saja tidak ada masalah. Asalkan kita selesa. Rasa nak bawa baju batik pergi kerja pun boleh. Aku selesa berseluar dan berbaju kurung, mudah bergerak ke mana-mana.

6. Sarung tangan dan stokin sila bawa dan pakai. Jangan buat-buat lupa. Stokin pula, walau hitam dan rasa tebal, perlu hati-hati. Bila dipakai ia menjadi cekang, beleklah bahagian buku lali, pasti nampak kulit. Aku selalu bawa *spare* satu dann pakai dua lapis semasa solat. Kalau tidak, belilah yang betul-betul tebal.

7. Jika tidak tahan habuk, pakai lah *mask*. Ada yang beli kain purdah di sana. Aku bawa, tetapi tak guna, tutup hidung dengan tangan saja atau telekung/tudung. Rimas pakai *mask*, rasa tidak boleh bernafas. Dengan musim Covid-19 sekarang sudah pasti memerlukan jemaah menggunakan *mask*.

8. Sebelum ke sana, boleh menukar Ringgit Malaysia ke SR2000 (Saudi riyal). Jika ditempatkan di ibu pejabat Tabung Haji (Abraj Janadriyah), itu durian runtuh namanya. Di situlah klinik, farmasi, bank, cafe, kaunselor, ustaz ustazah. Nak keluarkan duit setiap hari pun boleh.

9. Baju/jubah tak perlu bawa banyak. Cukup dua atau tiga pasang saja. Sampai di sana boleh beli yang baru. Bila lagi kan? RM40-50 boleh dapat yang elok bersulam (bukan jubah abaya). Pilihlah nak warna apa. Insyaallah ada, cuma kena pandai mencari sebab banyak hitam dari yang berwarna kalau di Makkah. Di Madinah tak dak masalah. Lagipun kita hendak beribadah, beli untuk keperluan semasa sahaja. Jangan sampai membazir.

10. Serondeng dan sewaktu dengannya silakan bawa jika berasa tekak masih lagi perlukan rasa Malaysia. Aku sebilik enam orang. Tiga orang bawa serondeng tidak habis pun makan di Makkah. Masing-masing sudah serasi dengan sajian yang disediakan pihak Muassasah. Tidak mewah tapi alhamdulillah. Sekali hadap memang habis, tidak membazir. Mohon doa supaya Allah memudahkan, InsyaaAllah.

"Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu". (Al-Haji 22:29)



Kad ini nyawa kita di sana. Jaga baik-baik. Nak keluarkan duit di kaunter Tabung Haji perlu bawa ni. Banyak maklumat kita di sini. Jangan hilangkan ya wahai jemaah-jemaah sekalian. Buat bakal-bakal hajjah sekalian, aku titipkan tambahan untuk panduan kalian. Semoga musafir kalian ke bumi barakah sentiasa dalam rahmatNya Yang Esa.

1. Berkenaan jubah wanita. Adalah sangat baik jika jubah itu berpoket. Sebabnya, apabila hendak ke tandas, boleh dimasukkan *handphone*, sarung tangan, stoking, jam dan sebagainya. Walau pun ada beg galas (terima kasih BSN), di dalamnya mungkin berisi Al-Quran dan buku doa. Beg ini menjadi peneman setia kita sehinggalah pulang ke tanahair tercinta.



2. Barang-barang *toiletries* seperti sabun mandi, sabun basuh, syampu boleh didapati di sana. Jangan beratkan beg. Biar berat semasa balik. Tetapi, sayugia aku ingatkan, harga seketul sabun mandi di sana SR5 (agak mahal). Sekarang mungkin lebih lagi. Segala keperluan membasuh pakaian, zaman aku SR2 satu item. Baldi, penyangkut baju dan penyepit beli sahaja di sana.



Penginapan aku di Makkah di Abraj Janadriyah- Wing C. Ada Wing-A dan Wing-B. Ada yang dapat sebilik 4, 5, 6, 7 atau 8 orang bergantung pada saiz bilik. Di depan pintu hotel ada kedai SR2 (macam kedai RM2). KT50 maksudnya penerbangan ke-50 dari Malaysia.

3. Dulu, dulu la orang kata, *handphone* tidak boleh bawa masuk. La ni boleh bawa. Tiada masalah. Nak bawa tablet? Notebook? InsyaaAllah boleh.

4. Jika rasa tarikh untuk mendapat panggilan haji masih jauh pandang ke depan, tunaikan dahulu umrah jika mampu. Umrah ini boleh selesai dalam dua ke tiga jam saja! Bila melaluinya, baharu kita tahu perjalanan ibadah ini bagaimana. Selama ini mendengar cerita kedai kopi sahaja.

5. Jika mahu dan rajin, belajaglah sikit-sikit perkataan Arab, terutama yang berkaitan dengan nombor. Di Makkah kebanyakan pekedai tidak fasih berbahasa Inggeris. Ini saranan saja. InsyaaAllah semuanya baik-baik sahaja apabila ayam bertemu itik, bercakap dalam dua bahasa

berbeza, bahasa isyarat menjadi perkara utama. Pandai-pandailah haji dan hajjah semua.

6. Ini penting buat bakal-bakal hajjah. Sebelum pergi, simpan rekod haid bulanan anda. Sekurang-kurangnya empat ke lima bulan sebelum ke sana. Buat catatan pada jadual period. Seditil yg boleh. Bila mula (waktu/jam) dan warna darah. Antara hari-hari haid, ada atau tidak hari yang bersih. Catatkan, jika rajin. Apa yang Allah mahu uji di sana tidak boleh diduga. Walaupun mengikut kebiasaan di tanahair. Ada yang mengambil pil perancang, di Makkah tiada masalah, tiba di Madinah haidnya terlebih hari. Ada yang mengambil hormon, sudahnya haid bersambung dengan istihadah. Apa-apa pun, berdoalah sentiasa untuk dimudahkan semua urusan.

7. Para wanita, tolong bawa stok *panty liner*. Sukar untuk dapatkan. Masalah wanita terlalu rumit. Rajin-rajinlah berjumpa ustazah jika ada sebarang masalah. Jangan ambil mudah berkaitan hukum Allah. Nanti menyesal tak sudah. Alhamdulillah, aku ada teman bekerja di Makkah. Ketika sebilik hampir kehabisan stok, teman inilah yang menolong. Semoga Allah memberi ganjaran berlipat ganda kat Fuhaina sekeluarga.

8. Satu lagi untuk kaum wanita. Harap-harap teman sebilik anda ada yang membawa kapas muka. Selain untuk mencuci muka, amat berguna ketika menghadapi masalah wanita. Tak percaya? Allah nak uji kita dengan pelbagai cara.

9. Lampu suluh kecil, sarung kasut, uncang batu dan botol spray semuanya aku dapat percuma. Terpuang untuk guna atau pun tidak.

Alhamdulillah. Semoga persediaan sebelum ke Tanah Suci ini ada sedikit manfaatnya buat pembaca. Sekarang ini mungkin sedikit berbeza daripada apa yang aku nukilkan. Jumpa lagi di siri akan datang.

-NAAR-





QARI MESIR YANG DISEGANI: SHEIKH ABDUL BASIT MUHAMMAD ABDUL SAMAD

Nurhafizah Ahmad & Fadzilawani Astifar Alias

Mesir mempunyai ramai qari terkenal yang memberi sumbangan besar kepada dunia penyebaran ilmu al-Quran. Generasi al Quran yang muncul di Mesir adalah kerana persekitaran yang kondusif untuk mempelajari dan mendalami ilmu al Quran. Terdapat ramai qari Mesir yang terkenal, antaranya ialah Sheikh Muhammad Siddiq Al Minshawi, Sheikh Mahmud Khalil Al Husari dan Sheikh Abdul Basit Muhammad Abdul Samad. Mari kita kenali qari Mesir yang telah memberi sumbangan besar dalam ilmu al Quran, iaitu Sheikh Abdul Basit Muhammad Abdul Samad.

Sheikh Abdul Basit Muhammad Abdul Samad



Sumber: <https://www.quran-tilawat.com/reciter/abdul-basit-abdul-samad>

Beliau dilahirkan pada tahun 1927 di kampung Al Maraizah yang terletak di bandar Armanat di Muhafazah Qina di selatan Mesir. Beliau dibesarkan di sebuah kawasan yang penduduknya mementingkan pendidikan tahfiz dan tajwid al Quran. Datuknya adalah merupakan seorang yang kuat beribadat dan menitikberatkan hafazan dan hukum hakam al Quran. Begitu juga ayahnya yang merupakan seorang ulama' Tajwid.

Sebahagian adik beradiknya juga merupakan penghafaz al Quran dengan ini mendorong beliau menghafaz al Quran ketika umurnya mencecah 6 tahun. Pada masa itu juga beliau telah meminta untuk belajar dengan seorang sheikh yang bernama Sheikh Al Amir di Armanat dan sheikh tersebut telah menerimanya dengan hati yang terbuka kerana beliau melihat terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kelayakan beliau untuk

berkecimpung dalam bidang al Quran di samping bakat beliau yang boleh digilap ketika sheikhnya mendengar beliau membaca Al Quran. Sheikhnya iaitu Sheikh Al Amir menyatakan bahawa beliau juga mempunyai kepintaran, keistimewaan serta cepat menguasai apa yang diajar disebabkan keprihatinan dan kesungguhan yang jitu daripada beliau dalam mengikuti apa yang diajar oleh sheikhnya. Beliau juga meneliti setiap hukum hakam di dalam makhraj lafaz-lafaz, waqaf dan ibtida' di samping kelunakan suaranya yang sedap didengar. Begitu juga ketika beliau pulang ke rumah, beliau mengalunkan apa yang dipelajari daripada sheikhnya dengan suara yang merdu sehingga akan berhenti setiap orang yang mendengarnya.

Sebahagian adik beradiknya juga merupakan penghafaz al Quran dengan ini mendorong beliau menghafaz al Quran ketika umurnya mencecah 6 tahun. Pada masa itu juga beliau telah meminta untuk belajar dengan seorang sheikh yang bernama Sheikh Al Amir di Armanat dan sheikh tersebut telah menerimanya dengan hati yang terbuka kerana beliau melihat terdapat tanda-tanda yang menunjukkan kelayakan beliau untuk berkecimpung dalam bidang al Quran di samping bakat beliau yang boleh digilap ketika sheikhnya mendengar beliau membaca Al Quran. Sheikhnya iaitu Sheikh Al Amir menyatakan bahawa beliau juga mempunyai kepintaran, keistimewaan serta cepat menguasai apa yang diajar disebabkan keprihatinan dan kesungguhan yang jitu daripada beliau dalam mengikuti apa yang diajar oleh sheikhnya. Beliau juga meneliti setiap hukum hakam di dalam makhraj lafaz-lafaz, waqaf dan ibtida' di samping

kelunakan suaranya yang sedap didengar. Begitu juga ketika beliau pulang ke rumah, beliau mengalunkan apa yang dipelajari daripada sheikhnya dengan suara yang merdu sehingga akan berhenti setiap orang yang mendengarnya.

Setelah beliau mencecah umur 12 tahun, beliau memulakan penyebaran dakwah di setiap bandar-bandar dan kampung-kampung di Muhafazah Qina khususnya di Asfun Mutainah dengan bantuan Sheikh Mohammad Salim di setiap tempat yang beliau pergi. Di penghujung tahun 1951 Sheikh Al Dhiba' yang merupakan salah seorang gurunya telah meminta beliau untuk menjadi Qari di siaran Radio akan tetapi beliau ingin menangguhkannya kerana memikirkan kepada kampung dan ahli keluarganya. Hal ini kerana proses rakaman memerlukan jadual yang khusus. Namun begitu Sheikh Al Dhiba' berjaya juga merakamkan bacaan beliau ketika sambutan Maulid Sayyidah Zainab. Di sinilah bermulanya kemasyhuran beliau dan rakaman ini telah dikemukakan kepada Lujnah Penyiaran. Pada tahun 1951 ini juga beliau telah merakamkan bacaannya di Radio dan seterusnya menjadi salah seorang yang terkenal di dalam bidang tilawah Al Quran.

Beliau telah wafat pada hari Rabu, 30 November 1988 setelah sekian lama mengidap penyakit kencing manis dan hati. Pada hari kematiannya puluhan ribu peminat-peminatnya, duta – duta yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan negara mengiringi jenazahnya dan kewafatannya merupakan satu kehilangan yang besar dalam dunia tilawah Al-Quran.

Kehebatan qari Mesir sememangnya tidak dapat disangkalkan lagi dan seharusnya dijadikan penyubur semangat di kalangan kita, umat Islam akhir zaman. Segala sumbangan qari – qari terdahulu dalam ilmu al Quran seharusnya diteruskan oleh generasi muda masakini.

Sheikh Abdul Basit Muhammad Abdul Samad dalam kenangan (1927 – 1988)



Sumber: <https://en.shafaqna.com>





TAJAMNYA PEDANG SALAHUDIN AL AYUBI

Fadzilawani Astifar Alias & Norhafizah Ahmad

Tahukah anda, dalam lipatan sejarah, adanya satu pedang yang dapat membelah batu hanya dalam satu libasan. Menurut pakar sejarah dan pengkaji pedang, Prof. Dr Peter Paufler, terdapat satu pedang yang terbukti mempunyai kebolehan dalam membelah objek yang keras. Nak tahu pedang siapa? Itulah pedang yang pernah dimiliki oleh Salahuddin Al-Ayubi. Dengan adanya pedang ini, ia menjadi salah satu warisan agung bagi umat Islam.

Siapakah Salahudin Al-Ayubi?



Kredit Foto: Coursehero.com

Salahudin Al-Ayubi dilahirkan di Takrit, Iraq pada tahun 532 Hijrah /1138 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 589 H/1193 M di Damsyik. Beliau adalah pengasas Daulat Al-Ayyubiyah dan bergelar Sultan Shalahuddin. Seorang pahlawan Islam yang paling gagah berani dalam perang Salib dan berhasil merebut kembali Baitul Maqdis dari tangan kaum Salib Kristian.

Pedang milik Salahudin Al-Ayubi ini merupakan pedang paling tajam yang pernah direkodkan dalam sejarah. Ia turut diakui dan dipersetujui oleh ahli kimia serta pemenang Anugerah Nobel, Robert Curl serta seluruh pakar metalurgi. Ketajamannya mampu menembus baju zirah (baju besi), mampu membelah perisai, pedang, dan batu tanpa memberi kesan atau menumpulkan pedang itu sendiri. Ia juga dikatakan mampu memotong kain sutera yang dilemparkan ke udara. Pedang yang hebat ini dibuat dengan kemampuan yang boleh mengalahkan kehebatan pedang Katana dari Jepun serta pedang Excalibur milik Raja Arthur.

Pedang asli milik Salahuddin Al-Ayubi ini juga mempunyai bentuk melengkung yang tersendiri. Ia juga boleh dibezakan dengan corak seakan air mengalir di sepanjang pedang. Apa yang menariknya, corak ini bukanlah diukir di atas pedang, tetapi corak ini terhasil secara semulajadi semasa proses pembuatannya.



Kredit Foto: arabamerica.com

Para penyelidik mendapati pedang ini dibuat menggunakan teknik penempaan besi “Damacuss” iaitu dengan memasukkan tiub nano karbon (CNT) pada pedang bagi membuatkan pedang lebih tajam dan ringan. Rahsia dalam teknik pembuatan pedang ini begitu dikagumi oleh pengkaji Barat serta pengkaji metalurgi moden. Pada zaman moden kini, pakar metalurgi masih tidak boleh menghasilkan pedang yang dilengkapi dengan teknologi nano yang telah dibuat ketika zaman peradaban Islam lampau antara abad ke 11 hingga 12. Kelebihan CNT ini juga terletak kepada kekuatannya iaitu sebanyak 10 kali ganda berbanding besi biasa. Karbon nano ini juga boleh bertahan pada suhu tinggi serta lebih ringan daripada aluminium. Penemuan CNT dalam pedang Salahuddin Al-Ayubi membuktikan kualiti teknik penempaan besi serta kemajuan teknologi Islam pada 2000 tahun dahulu.


Elemen utama dalam penghasilan pedang menerusi teknologi “Damacuss” ialah gabungan besi yang dipanggil ‘wootz’. Ia merupakan gabungan besi dengan peratusan karbon yang berbeza. Selain itu, elemen lain seperti kromium, manganese, serta kobalt juga dicampurkan bagi meningkatkan lagi kekuatan, ketajaman dan tahap fleksibiliti pedang. Pedang dengan ciri-ciri istimewa ini telah menjadi saksi kepada kepimpinan Salahuddin Al-Ayubi ketika mengetuai bala tentera Islam dalam Perang Salib sekitar abad ke-12. Bukan itu sahaja, perisai dan baju besi Salahuddin Al-Ayubi juga dibuat khas dengan menggunakan teknik yang sama seperti pembuatan pedangnya.

Teknik pembuatan pedang seperti milik Salahuddin Al-Ayubi ini telah tersimpan sebagai rahsia sejak dahulu. Ilmu pembuatan ini hanya diturunkan dan dikuasai oleh sebilangan keluarga kecil penempa besi di Damascus. Dengan pelbagai penemuan baru dalam pembuatan besi, akhirnya teknik pembuatan besi ini terus dilupakan sejak abad ke-18. Pembuatannya juga dikatakan terhenti kerana kehabisan sumber besi dari elemen ‘wootz’ yang didatangkan khas dari India. Apa yang tersisa hanyalah pedang serta senjata perang lain yang tersebar di muzium seluruh dunia. Sehingga kini, para saintis dan pakar pembuat senjata masih tidak dapat menghasilkan pedang dengan kualiti yang setanding dengan pedang Salahuddin Al-Ayubi.



KITAB IMAM AL-GHAZALI

Elly Johana Johan, Azlina mohd Mydin & Wan Anisha Wan Mohammad



KITAB-KITAB
Imam Al-ghazali

Kitab-kitab yang telah ditulis oleh al-Imam Abu Hamid Al-Ghazali dianggarkan melebihi 200 buah.

Namun, yang masih kekal hingga ke hari ini hanyalah lebih kurang 50 buah sahaja.

Antara kitab beliau yang terkenal di Malaysia ialah:

- Mizan al-'Amal
- Kimiya' as-Sa'adah
- Misykah al-Anwar
- Ihya' 'Ulumiddin
- ar-Risalah al-Ladunniyyah
- al-Munqidh Min ad-Dalal
- Bidayah al-Hidayah
- Minhaj al-Abidin

Kebanyakan daripada kitab beliau ditulis di dalam bahasa Arab dan Parsi.

BIOGRAPHIES OF IMAM GHAZALI

Elly Johana Johan, Wan Anisha Wan Mohammad & Azlina Mohd Mydin



BIOGRAPHIES OF IMAM GHAZALI

- Full name: Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali Al-tusi.
- Born in year 450H/ 1085M at Ghazalah, Thusia town in Khurasan, Parsi and died on 505h, at age 55.
- Imam Ghazali a pious man, a teacher also speaker.
- He got the honorary title as Imam Besar Abu Hamid Hujjatul Islam.
- A well-known Islamic Figure, very knowledgeable person and wrote a lot of books.
- Pursue studied at highschool Nizamiyyah in Naisabur. A legendary scholars, thinkers and philosophers.
- His father weave the clothes from wool to sell at the town of Tusi.

scan here




AZLINA BINTI MOHD MYDIN, WAN ANISHA WAN MOHAMMAD , ELLY
JOHANA JOHAN, RAFIZAH KECHIL



GOOGLE FEATURES

Wan Anisha Binti Wan Mohammad, Rafizah Binti Kechil, Azlina Binti Mohd Mydin & Elly Johana Binti Johan





PUISI



HATI SEORANG PENDIDIK

Norshuhada Binti Samsudin

Hati seorang pendidik,
Sering gusar saat pelajar kurang faham,
Sering resah jika pelajar hanya berdiam,
Membuatkan dirinya tidak tenang,
Kerana pendidik mencurahkan ilmu tanpa
mengharap balasan.

Nasihat tanda sayang,
Bukan menghukum, tapi bimbang,
Bimbang jika ilmu menjadi kurang,
Bimbang jika adab hilang, terbang melayang.

Sungguh,
Hati pendidik ini gusar,
Terkenang nasib pelajar yang disayang,
Jika tidak di didik dari sekarang,
Negara mungkin akan hilang,
Bakal pemimpin yang cemerlang dan terbilang.

Gembira jika pelajar mereka berjaya,
Tidak minta untuk di belanja,
Sekadar ucapan "terima kasih" dari anak
didiknya,
Membuatkan hatinya berbunga-bunga.

Duhai anak didik ku,
Jagalah hati seorang pendidik,
Kerana mereka seperti lilin yang membakar diri,
Berusaha untuk mendidik seikhlas hati,
Dengan satu harapan dan doa,
Agar anak didiknya berjaya di akhirnya.



Hati
seorang pendidik,



ANUGERAH TERINDAH
Sharifah Sarimah Syed Abdullah

Anugerah terindah
Senyumanmu sentiasa menjadi penawar lara
Terkesima melihatmu saat tersenyum kepadaku
Kini ku mengerti rasa gembira, bahagia dan duka.

Kadangkala suatu ketika
Perasaan marah yang tidak terhingga
Perasaan sedih yang tidak terhingga
Perasaan bahagia yang tidak terhingga.

Tapi itulah kehebatan anugerah Allah
Yang mengajarku erti
Ketabahan, ketaatan dan kebahagiaan.

Walau penat dibadai ombak
Walau terpaksa mengharungi onak duri
Tetaplah ku harungi bersamamu.

Shasha Abdullah





MyATP oh MyATP

Ts. JAMAL OTHMAN

ATS, K1, K2 dan K3 adalah instrumen penting SKT
Tanggungjawab hakiki pensyarah yang perlu dipatuhi
Kriteria penilaian tahunan yang wajib dipenuhi
Tak cukup syarat markah dikurangi
Sebarang rayuan tidak dilayani
Surat lantikan sebagai dokumen bukti
Tiada bukti cari sampai ditemui
Sistem akademik kita mengejar KPI universiti
Semua pensyarah bekerja keras seperti robot di industri
Tak capai KPI nanti Bos undur diri
Lantik Bos baru teruskan strategi
Bermacam strategi menaikkan KPI fakulti
Pensyarah keliru mana satu nak prioriti
Ke sana ke sini mengejar K1, K2 dan K3
Tu belum tengok ATS sampai 15 jam lagi
Muda-muda dah dapat darah tinggi
Tak sempat 50 dah pergi
Tiada siapa yang sanggup nak teruskan legasi
Legasi hanya tinggal sejarah dalam dokumentasi
Apa pun buatlah yang termampu dan jangan paksa diri
Tinjau kekuatan diri dan fokus lebih terperinci
Ia mampu memajukan diri ke peringkat tertinggi
Utamakan keluarga jaminan kebahagiaan duniawi
Tingkatkan ibadat dan iman sebagai persediaan ukhrawi
Itulah tunggak kepada pencapaian strategi agar diberkati
Seloka MyATP ini janganlah anda ambil hati
Sekadar untuk memperingat dan diperingati
Ciptalah suasana kerja yang heppi
Agar hasil kerja kita adalah berkualiti
Dan jangan lupa satu lagi iaitu kerja dengan penuh integriti





USANGNYA SEPOTONG DOA

Elly Johana Johan & Zalilah Abd Aziz

Pada satu detik dan ketika
Sedang kau sedang amat berharap akan sesuatu
Lalu tanganmu diangkat menadah langit
Memohon sepenuh jiwa dan raga
Agar apa yang kau pinta jatuh ke riba
Pada masa dan saat yang kau cipta
Namun yang ditunggu belum kunjung tiba

Lalu kau bawa hati yang kononnya lara
Meminta seolah kau pemilik segala kuasa
Lupa diri yang bersifat hamba
Melontar segala sopan dan tatasusila
Lalai dan lupa mengikut protokol yang Maha Esa
Kau canang seantero dunia
Khabarkan kepada makhluk penghuni dunia
Tanpa kau sedar, kudrat juga bukan ditangan mereka
Seolah-olah kau dilupa oleh Sang Pencipta
Sedarlah duhai hati yang tenggelam dalam emosi
Kau sebenarnya mengadu tentang yang Maha Esa
Kepunyaan segala isi langit dan bumi
Yang mampu memberimu apa-apa sahaja

Suatu detik tak kala gerimis berlalu pergi
Tersingkap indah tujuh warna sang pelangi
Kau secara tak sengaja menjadi buta warna secara hakiki
Sepotong doa yang telah lama kau pinta
Yang kau anggap sudah usang dan tidak berharga
Namun di sisi yang Maha Esa
Kau sekali-kali tidak dilupa
Tiada permohonan yang luput, lusuh dan sia-sia
Kerana DIA merancang dengan cinta
Memberi anugerah tepat pada masa dan aturanNya
Sedang kau meminta dengan rakus mengikut rasa
Demi memenuhi cita-cita dunia

Semasa tidak terkabulnya sepotong doa

Kau hebah satu dunia secara nyata dan maya
Mengadu hati berdarah luka
Tak kala kau meriba bulan penuh purnama
Lalu mana sujud syukurmu wahai manusia?
Sedarlah wahai jiwa
Segala yang kau pinta tidak pernah usang disisi yang Esa
Pelajari satu perkara
Sepotong doa tidak akan pernah sia-sia
Pasti dikabul dalam tiga suasana
Pertama, diberi anugerah segera di dunia
Kedua, tunda di hari kebangkitan di sana
Ketiga, menjadi penyelamat tak kala bencana menimpa
Sesekali sang pencipta tidak akan pernah memungkiri janjiNya
Sudah terpateri dan termaktub dalam kitabNya
Dan Tuhanmu berfirman:
"Berdoalah kepada KU, niscaya akan KU perkenankan bagimu."
Tercatat dalam "**Surah al-Mukmin, ayat 60** jika kau mahu mentadbur ayat
suci itu.

ME Qalam Ehsan & Zahra AlJanna





REJAB

Noor Azizah Bt Mazeni

Tahun demi tahun berlalu pergi,
Siang dan malam bersilih ganti,
Masa yang berlalu tak mungkin berputar kembali,
Hanya menunggu sinar mentari menyinari setiap hari.

Kini,
Rejab tiba kembali,
Kembali membawa seribu erti,
Bulan terjadinya peristiwa Israk dan Mikraj yang sentiasa diingati,
Itulah kemuliaan bulan Rejab ini.

Ibadah solat lima waktu wahyu Illahi,
Diturunkan kepada umat Islam untuk ditaati,
Khusyuk dan ikhlas dalam menjalani,
InsyaAllah damai menuju syurgawi.

Wahai umat Islami,
Apabila tibanya Rejab ini,
Persiapkanlan diri,
Pertingkatkanlah amalan sunat sebagai persediaan menyambut Ramadhan yang dinanti.





PESONA DUNIA

Elly Johana Johan & Zalilah Abd Aziz

Dunia...
Walau kau makin tua
Hampir mencukupi haul dan masa
Tidak pernah tidak penghuni di dalamnya
Diulit rasa pesona tempat singgah sana
Benarlah, Ya Rasulullah SAW
Kau pernah bersabda
Manusia akan ditimpa penyakit takut mati dan
cinta dunia

Ya Rasulullah SAW
Kau juga pernah bersabda
Umat yang kau kasih
Akan turut merasa
Terlalu banyak suka ria
Terlalu mewah pada gaya dan cita rasa
Mengumpul harta banyak tidak terkata
Menipu helah merebut aset dunia
Amarah dijadikan lumrah dan resam dunia
Dengki mendengki, zalim menzalimi perkara
biasa

Peringatan untuk diri yang hina
Hati! Usah tenggelam dalam suka ria
Jasad! Usah adatkan diulit mewah
Kudrat! Usah terfokus mengumpul laba
Jiwa! Usah mengatur strategi menipu mangsa
Raga! Usah terbakar dengan api amarah
Kalbu! Jarakkan diri dari dengki dan menzalimi
Ingatlah semua akan lenyap dari apa yang kau
cinta
Ketakutan berpisah dengan roh pasti terjadi
dengan izinNya

Dunia
Penuh pesona indah tercipta
Bukan aku tak cinta
Cuma kasihku padamu berpada
Kerana kau singgah sana fatamorgana
Aku mahu kembali pada yang Esa
Dalam keadaan fitrah
Sama seperti saat pertemuan kita yang
pertama

ME Qalam Ehsan & Zahra AlJanna





PENGEMBARA ALAM

Sharifah Sarimah

Perjalanan yang belum terhenti
Melihat indahnya alam ciptaan Allah
Coretan lama yang semakin menjauh
Yang ada hanya warna-warni
Yang terlakar sejak azali lagi
Tulen tanpa diteroka
Minda merenung membacanya
Tiada erti tiada makna
Hanya yang merasai dan memaknai
Mengerti ianya adalah luar biasa.

Shasha Abdullah





SUARA ALAM

WAN NUR SHAZIAYANI

Jangan bermandikan ketakutan
kebaikan akan mengurung kejahilan
kegelapan bermula dengan kegagalan
pencarian secoret kehidupan di sisi nilai
terletak pada tahap ketakwaan
tunjukkan pedoman sebelum kesiangan
jangan mengimbau primitif
minda terbaik tidak boleh terbang
dalam mimpi ada pengalaman diri
lekatkan kanvas warna warni hati
biar ia hiasi perjalanan tanpa noktah

Jangan terfikir untuk terbang tinggi
sedang sayap belum melebar
semilir menyapa awan memutih
kejarlah matahari esok akan ada siang lagi
biar perlahan asal sampai tujuan
kutip aksara titipkan dalam lagu bintang
bulan tetap bersinar selagi ada harapan.





THANK YOU

Nur Azimah Binti Idris

That night, fifteen years ago,
Through one phone call, we received the news,
The eldest's weeping broke my heart and soul,
It dawned on me that you will never come back,
To Allah you return, with heavy heart we accept.

Of all the days in the world,
Eve of Eid was the day you left,
Of all the possibilities it could be,
Your prayer was answered made me content,
Even when the shook left me in pains,
Thank you Almighty for making me strong.

Mom,
Loving you is never a choice,
For you are the most precious gift I ever had,
Longing for you will never end,
For the void I felt will never be filled.


Thank you for your care,
Thank you for your sacrifices,
Thank you for every single thing,
May Allah grant you the highest place in paradise.





PANTUN SAHABAT SEJATI

AZLINA BINTI MOHD MYDIN, RAFIZAH KECHIL, WAN ANISHA WAN
MOHAMMAD , ELLY JOHANA JOHAN



Terpaut dengan Kedua di Baling

(Rofiza Aboo Bakar)

Pergi ke pasar bersama Noni
Dibeli nanas dan ikan talang
Alangkah cantik sungai ini
Hati tertambat tak ingin pulang

Aisya menjahit kebaya Nyonya
Dipakai Arwa buat berniaga
Kuala Kedua, Baling tempatnya
Mari melawat bersama keluarga

Melambai daun ditiup angin
Gembira ria si kunang-kunang
Cuaca redup, air dingin
Hati berbunga, minda tenang


Jika berkelana ke Kuala Perlis
Jangan dilupa buah berangan
Alhamdulillah, diizin menulis
Terhasillah pantun buat kenangan



Penulis di sungai Kuala Kedua, Baling



Pengunjung boleh menjamu selera di kedai berdekatan



Pemandangan di sekitar kawasan



MONOLOG PKP

Noor Aina Abdul Razak

Sepi
Mencengkam emosi
Lara
Meremukkan jiwa
Gundah
Meluluhkan gelisah

Rasa sepi
Tiada bertepi
Jiwa lara
Tiada kata terluah jua
Gundah di kalbu
Hanya sendiri yang tahu
Ceritera hati
Seperti detik terhenti
Ingin pergi
Jauh membawa diri

Pada angin
Dibisikkan madah
Bawaku bersama andaimu singgah
Pada hujan
Dilagukan irama
Nyanyikan lagu pengubat resah

Pada dedaun
Dialunkan bicara
Hiburkan aku yang duka nestapa
Pada mentari
Dinyatakan rasa
Terangi aku dari gelap meraba
Pada purnama
Disampaikan hasrat
Terus bersinar selagi mentari menyinar

Biarkan resah gundah
Sepi dan lara jiwa
Berlalu tanpa ditahu
Bilakan bernoktah

nainara
(15082021)






OH! My Kelate!

Syarifah Adilah Mohamed Yusoff, Wan Anisha Wan Mohammad,
Azlina Mohd Mydin & Elly Johana Johan

Oh My Kelate!

#situasi di kejiranan



Oh My Kelate!


#situasi di rumah



Oh My Kelate!

#situasi di tepi jalan



The background features large, flowing, organic shapes in blue and purple. These shapes are composed of many thin, concentric, wavy lines, creating a sense of depth and movement. Scattered throughout the white space are small black geometric elements: dots, triangles, and a small square. There are also small orange dots in the top left and bottom right corners.

PERMAINAN



SEARCH ME IF YOU CAN!!!

**AZLINA BINTI MOHD MYDIN, WAN ANISHA WAN MOHAMMAD,
RAFIZAH KECHIL, ELLY JOHANA JOHAN**

SEARCH ME!!

1 How many block with number in the picture?

2 How many flowers design in the curtain in the picture?

3 How many toys in the picture?



Answer: 1.5 2.4 3.5





INCREASE YOUR VOCABULARY

Wan Anisha Binti Wan Mohammad, , Azlina Binti Mohd, Elly Johana Binti
Johan & Rafizah Binti Kechil Mydin

BY: WAN ANISHA WAN MOHAMMAD, AZLINA MOHD MYDIN, ELLY JOHANA JOHAN, RAFIZAH KECHIL

INCREASE YOUR VOCABULARY

E	R	N	F
O	B	C	K
D	M	U	P
I	V	L	T

ANSWERS

KIND, LURE, FINE, /MORE, LICK, PICK, DINE, CULT, TUNE, LORD, RIDE, ROAD, DUCK, DIRT, FERN, CORN, DUMB,
PURE, PINE, LUCK, BIRD, TRIP, KEPT, DOME, VOLT, MOVE, FIVE, LIVE, LIFE, DIVE, CUBE, LIVER, BORN, LUMP, KERN,
PULE, BURN, , DOLT, DOVE, DIVE, LOVE, PORK, KINE, MODE

How many 4 letter words can you make from the letters above?

_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____
_____	_____	_____

CREATED USING CANVA



PENCAPAIAN :
STAF JSKM

GERAN FRGS FASA 1/2021



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh



TAHNIAH

KEPADA

CHEW YEE MING

SEBAGAI SALAH SEORANG AHLI PROJEK BERTAJUK
"ANALYTICAL FORMULATION OF DOUBLE LAYER
CONSOLIDATION ON FLOATING STONE COLUMNS
USING NONLINEAR THEORY"

YANG DIKETUAI OLEH
Ir. DR. NG KOK SHIEN

DAN AHLI-AHLI PROJEK
PROF. MADYA DR. AZIDAH MUKRI
PROF. MADYA DR. AHMAD SAFUAN RASHID (UTM)

ATAS KEJAYAAN MENERIMA
GERAN FRGS FASA 1/2021
BERNILAI
RM 113,200.00

SYABAS DIUCAPKAN DARIPADA
WARGA JSKM
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



PENERBITAN BERINDEKS



TAHNIH

kepada

**SITI NURLEENA ABU MANSOR,
MAHANIM OMAR & SITI MARIAM SAAD**

di atas penerbitan artikel dalam jurnal
berindeks **ERA**

**International Journal of Academic Research
in Business & Social Sciences
(11 Sept 2021)**

bertajuk

**Survey of Perception on Online Learning among
Low-Income Group Students in Pre-Diploma
Programs**



TAHNIH

kepada

**ROZITA KADAR, NAEMAH ABDUL WAHAB,
JAMAL OTHMAN, MAISURAH SHAMSUDDIN &
SITI BALQIS MAHLAN**

di atas penerbitan artikel dalam jurnal
berindeks **ERA**

**International Journal of Academic Research in
Progressive Education & Development
(21 Aug 2021)**

bertajuk

**A Study of Difficulties in Teaching and Learning
Programming: A Systematic Literature Review**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



TAHNIH

kepada

**SITI NURLEENA ABU MANSOR,
NORSHUHADA SAMSUDIN &
FUZIATUL NORSYIHA AHMAD SHUKRI**

di atas penerbitan artikel dalam jurnal
berindeks **ERA**

**International Journal of Academic Research
in Business & Social Sciences
(1 Sept 2021)**

bertajuk

**Newman's Error Analysis of Common Errors in
Solving Convergence of Power Series using Ratio
Test**



TAHNIH

kepada

**Rozita Kadar, Putri Sumari, Jamal Othman,
Syarifah Adilah Mohamed Yusoff**

di atas penerbitan artikel dalam jurnal
berindeks **ERA**

**International Journal of Academic Research
in Progressive Education & Development
Vol. 10, Issue 3, E-ISSN: 2226-6348**

bertajuk

**Program Comprehension Technique in Teaching
and Learning: A Cognitive Perspective**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



TAHNIH

kepada

**Zuraيرا Libasin, Wan Suhailah Wan Mohamed Fauzi,
Ahmad Zia ul-Saufie, Nur Azimah Idris and
Noor Azizah Mazeni**

di atas penerbitan artikel dalam jurnal
berindeks **SCOPUS**

**Pertanika Journal of Social Science and
Humanities
(29 October 2021)**

bertajuk

**Evaluation of Single Missing Value Imputation
Techniques for Incomplete Air Particulates Matter
(PM10) Data in Malaysia**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

INOVASI

Syabas & Tahriah!

D4 DIAMOND

KONVENSYEN KIK PERINGKAT ZON UTARA 2021 20 - 22 SEPTEMBER 2021





Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh



DINOBATKAN

**Anugerah Penarafan Emas
&
Persembahan Terbaik**

DARI
WARGA JSKM
UITMCP



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UITM *di hatiku*

CONGRATULATIONS



MOHD SAIFULNIZAM ABU BAKAR

for receiving

GOLD AWARD

in
Virtual Invention, Innovation & Design Competition 2021
In Conjunction With The International Joint Conference
On Hospitality & Tourism 2021 (IJCHT-21)

BEST POSTER AWARD

in
International Joint Conference On Hospitality & Tourism
2021 (IJCHT-21)



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UITM *di hatiku*

CONGRATULATIONS



MOHD SYAFIQ ABDUL RAHMAN

for receiving

GOLD AWARD

in
4th Language Invention, Innovation and Design (LIID)
Exposition 2021

SILVER AWARD

in
Virtual Invention, Innovation & Design Competition 2021
In Conjunction With The International Joint Conference On
Hospitality & Tourism 2021 (IJCHT-21)

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan





Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

CONGRATULATIONS




**DR NOR HANIM ABD RAHMAN, SITI NURLEENA
ABU MANSOR, FADZILAWANI ASTIFAR ALIAS,
RAFIZAH KECHIL, SITI MARIAM SAAD &
NORSHUHADA SAMSUDIN**

for receiving
SILVER AWARD
in
Teaching and Learning Poster Ideas (TALPI) 2021





Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

CONGRATULATIONS




**FUZIATUL NORSYIHA AHMAD SHUKRI,
NORSHUHADA SAMSUDIN, SITI NURLEENA
ABU MANSOR, RAFIZAH KECHIL, SITI ASMAH
MOHAMED & AHMAD RASHIDI AZUDIN**

for receiving
GOLD AWARD
in
Teaching and Learning Poster Ideas (TALPI) 2021





Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

CONGRATULATIONS




**RAFIZAH KECHIL, SITI ASMAH MOHAMED,
SITI MARIAM SAAD, NORSHUHADA
SAMSUDIN, FUZIATUL NORSYIHA AHMAD
SHUKRI & AHMAD RASHIDI AZUDIN**

for receiving
SILVER AWARD
in
Teaching and Learning Poster Ideas (TALPI) 2021





Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

CONGRATULATIONS




**SITI MARIAM SAAD, AHMAD RASHIDI AZUDIN,
DR NOR HANIM ABD RAHMAN, FADZILAWANI
ASTIFAR ALIAS, SITI ASMAH MOHAMED &
FUZIATUL NORSYIHA AHMAD SHUKRI**

for receiving
BRONZE AWARD
in
Teaching and Learning Poster Ideas (TALPI) 2021



Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UiTM *di hatiku*

CONGRATULATIONS

**ROZITA BINTI KADAR, NORAZAH UMAR,
MOHD SAIFULNIZAM ABU BAKAR,
JAMAL OTHMAN & NURHAFIZAH AHMAD**

for receiving

SILVER AWARD

in

**Invention, Innovation & Design
Exposition (IIDEX) 2021**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UiTM *di hatiku*

CONGRATULATIONS

SITI NURLEENA ABU MANSOR

for receiving

BRONZE AWARD

in

**International Invention, Innovation & Design
Expo (INoDeX2021)**

in conjunction with

**2nd International Conference on Semiconductor
Materials and Technology (2nd ICoSeMT 2021)**

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UITM *di hatiku*

CONGRATULATIONS




**WAN ANISHA WAN MOHAMMAD
& RAFIZAH KECHIL**

for receiving
GOLD AWARD
SPECIAL AWARD
BEST VIDEO AWARD

"MOLP: Learning Math through Online
Learning Portal"

in


Pra Pendidikan Tinggi (PPT) National Virtual
Innovation Competition (PPTnVIC2022)



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UITM *di hatiku*

CONGRATULATIONS




**RAFIZAH KECHIL &
AZLINA MOHD MYDIN**

for receiving
GOLD AWARD

"GeoGram: Learning Through Play"

in

Pra Pendidikan Tinggi (PPT) National Virtual
Innovation Competition (PPTnVIC2022)

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UITM *di hatiku*

CONGRATULATIONS




**AZLINA MOHD MYDIN &
WAN ANISHA WAN MOHAMMAD**

for receiving
GOLD AWARD


"SMART INTERACTIVE REVISION TOOL -
SIRT 2.0"

in

Pra Pendidikan Tinggi (PPT) National Virtual
Innovation Competition (PPTnVIC2022)

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

PENGIKTIRAFAN



NOTA



اَوْنُوْرَاسِيُوْا تَتَكُوْمُوْا لَوِ كُنْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UNIT PENERBITAN DAN PUBLISITI

**JABATAN SAINS KOMPUTER DAN MATEMAITK
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**

eISSN 2637-0077



9 7 7 2 6 3 7 0 0 7 0 0 4